


Jilid II
Bil. 17



Hari Khamis
8hb Julai, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1789]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

Buku Yang Diharamkan—Ahli dari Petaling [Ruangan 1832]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974 dan 1976):

Jawatankuasa—

Kepala B. 64 dan B. 65 (Jadual Kedua) [Ruangan 1834]

Kepala B. 66 (Jadual Kedua) [Ruangan 1836]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk
Akaun) [Ruangan 1842]

Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 1846]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD J.B.S (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. Subramaniam (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- „ Setiausaha Parlimen Kementrian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI bin AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementrian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG A.D.K., (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

- ” TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- ” TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- ” TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- ” DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- ” TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- ” DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N, P.I.S. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- ” TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- ” TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- ” TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- ” TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- ” TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 8hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**ORDINAN PENCEN SERTA
PERSARAAN**

1. Teh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah tindakan telah diambil untuk meminda Ordinan Pencen serta Persaraan sekarang bagi kakitangan Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen supaya ordinan-ordinan tersebut tidak mempunyai sebarang diskriminasi terhadap kaum wanita.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah yang diberikan oleh Ordinan Pencen, 1951 telah diubahsuai untuk melaksanakan gaji bersih dan syarat-syarat perkhidmatan yang diperakukan oleh Suruhanjaya Di Raja Gaji Suffian yang tidak membuat perbezaan di antara pekerja-pekerja lelaki dengan pekerja-pekerja wanitanya. Di dalam Perkhidmatan Awam mereka akan menerima faedah yang sama menurut sifir pencen (Pension Formula) yang berasaskan kepada faktor pecahan bergantung kepada gaji yang diterima dan jumlah tempoh perkhidmatan dalam perjawatan berpencen. Faedah-faedah persaraan yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen di bawah Akta (Pencen dan Ganjaran) Ahli-ahli Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen, 1971 pun tidak membezakan di antara ahli wanita dengan ahli lelaki.

SIJIL PALSU MEMASUKI UNIVERSITI

2. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) Hasil siasatan yang dibuat oleh Senat Universiti Malaya mengenai sijil palsu

yang digunakan oleh penuntut-penuntut untuk memasuki Universiti;

(b) Samada perkara seperti ini berlaku juga di lain-lain universiti di Malaysia; dan

(c) Apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang didapati salah kerana memalsukan sijil dan langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan kejadian seperti ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Universiti Malaya telah menyemak semua keputusan H.S.C./S.T.P. pelajar-pelajar di dalam tiap-tiap tahun pengajian dalam sesi 1975-76. Semua kes yang didapati menggunakan keputusan H.S.C./S.T.P. yang palsu atau diubah telah diadukan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

(b) Tidak.

(c) Universiti Malaya telah mengadukan perkara ini kepada pihak polis supaya tindakan selanjutnya dapat diambil untuk mendakwa pelajar-pelajar yang berkenaan di mahkamah. Langkah yang diambil bagi mengelakkan kejadian seperti ini ialah seperti berikut:

(i) Unit Pusat Universiti-universiti telah menjalankan pemeriksaan yang teliti ke atas keputusan H.S.C./S.T.P. semua calon-calon yang memohon masuk ke Universiti pada tahun ini.

(ii) Universiti Malaya juga akan melakukan pemeriksaan semula ke atas keputusan H.S.C./S.T.P. semua pelajar-pelajar yang diterima masuk pada sesi ini.

BAS MINI

3. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) berapa banyak permit bas mini telah diluluskan dan berapa buah bas telah berjalan di jalanraya;
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa dengan terlalu banyaknya mini bas ini di jalanraya telah mendatangkan kesesakan jalanraya, sekiranya sedar, apakah ikhtiar Kerajaan supaya ianya tidak mendatangkan kesusahan kepada pengguna-pengguna jalanraya yang lain;
- (c) adakah Kerajaan sedar dengan adanya mini bas berjalan pada jalan-jalan yang telah ada perkhidmatan bas biasa mengakibatkan kerugian kepada syarikat-syarikat bas yang berkenaan kerana bas-bas mini ini juga mengangkut penumpang-penumpang sama seperti bas-bas lain; dan
- (d) adakah benar bahawa bas-bas mini ini berhenti terlalu lama menunggu penumpang dan ada kalanya membawa penumpang macam "ikan sadin" yang boleh mendatangkan merbahaya kepada penumpangnya, kiranya sedar, apakah tindakan diambil terhadap perkara-perkara seperti ini.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya telah meluluskan 400 lesen Bas Mini dan setakat ini 251 buah bas berjalan di jalanraya.
- (b) Tujuan utama Kementerian saya memperkenalkan perkhidmatan Bas Mini ialah untuk mengatasi masalah pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Di samping itu, Kementerian saya juga berharap dengan adanya perkhidmatan Bas Mini ini akan dapat mengurangkan sedikit-sebanyak masalah kesesakan lalu-lintas di Kuala Lumpur ini iaitu dengan bertambahnya orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih cekap ini dan meninggalkan kenderaan-kenderaan persendirian mereka di rumah. Walau bagaimanapun, saya tidak menafikan bahawa masalah kesesakan

ini masih terdapat di Kuala Lumpur ini. Langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan masalah ini adalah sudah, sedang dan akan dijalankan oleh Kementerian saya dan juga pihak-pihak berkuasa yang lain.

(c) Tidak.

- (d) Memang benar ada kalanya Bas-bas Mini ini berhenti agak lama sedikit kerana menunggu penumpang-penumpang dan ada kalanya pula mereka membawa penumpang-penumpang lebih daripada had bilangan yang telah dibenarkan. Dalam hal ini pihak Polis dan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Pengangkutan Jalan adalah sentiasa mengambil tindakan yang tegas supaya pengusaha-pengusaha tersebut mematuhi syarat-syarat dan jalan-jalan yang telah diluluskan oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 4 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).

PENDERMA DARAH BUMIPUTRA

5. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa kebanyakan penderma-penderma darah sekarang adalah terdiri daripada kaum Bumiputra, dan jika ya, adakah Kementerian ini bercadang untuk menjalankan suatu kempen bagi menarik lebih ramai lagi orang-orang bukan Bumiputra menderma darah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang di Dewan ini pada 15hb Disember, 1975 dan saya telahpun memberikan jawapannya iaitu tindakan telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian saya untuk menggalakkan lagi semua kaum di negeri ini supaya menderma darah.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberikan angka-angka bilangan bumiputra yang menderma darah dan yang bukan bumiputra.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang ada kepada Kementerian saya sebanyak 25,095 orang bumiputra dan sebanyak 4,798 orang daripada kaum China dan 6,258 daripada kaum India dan bakinya sebanyak 513 orang daripada lain-lain kaum.

Tuan Shaari bin Jusoh: Dan banyak manakah pula pengguna-pengguna penderma darah mengikut bilangan kaum: bumiputra dan bukan bumiputra.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 3,646 orang lelaki daripada bumiputra, 7,225 orang perempuan kaum bumiputra dan sebanyak 4,213 orang lelaki kaum China, 5,023 orang perempuan kaum China yang menggunakan darah dan sebanyak 1,205 orang kaum lelaki daripada kaum India, 2,368 kaum perempuan daripada India, 103 orang lelaki daripada kaum-kaum yang lain dan perempuan sebanyak 115 orang.

KESULITAN PERKHIDMATAN BAS

6. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa beberapa buah negeri di Malaysia sekarang sedang mengalami kesulitan perkhidmatan bas dan ini telah menggalakkan perkembangan perusahaan perkhidmatan teksi sapu yang mana didapati sebilangan besar pengusaha-pengusaha dikatakan terlibat di dalam amalan rasuah, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan atas perkara ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya mengambil perhatian berat tentang kesulitan perkhidmatan bas seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian saya juga sedar tentang adanya perkhidmatan teksi sapu, tetapi samada teksi sapu ini berkembang perusahaannya tidaklah dapat ditentukan dengan sebenarnya, dan tindakan-tindakan adalah diambil dari masa ke semasa oleh pihak polis dan pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap mereka. Di samping itu, Kementerian saya juga mengambil tindakan untuk mengatasi masalah perkhidmatan bas dan juga mengambil langkah untuk menambah bilangan teksi-teksi di kawasan-

kawasan yang difikirkan memerlukan perkhidmatan kenderaan awam dari masa ke semasa. Ahli Yang Berhormat itu juga telah mendakwa sebilangan besar pengusaha-pengusaha perkhidmatan teksi sapu ini dikatakan terlibat dalam amalan rasuah. Saya mengambil kesimpulan bahawa dari cara soalan ini dikemukakan, Ahli Yang Berhormat juga tidak dapat menentukan dengan tepat adanya amalan rasuah yang didakwa-kau itu. Seperti yang telah pernah dinyatakan dalam sidang Parlimen di masa-masa yang lalu, sekiranya benar ada amalan rasuah seperti yang dikatakan itu, saya berharap Yang Berhormat dapat mengemukakan perkara ini kepada pihak Biro Siasatan Negara supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil oleh pihak itu samada terhadap pengusaha-pengusaha yang dikatakan terlibat dalam amalan rasuah ini ataupun penerima-penerima rasuah tersebut.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa banyak perkhidmatan bas dalam beberapa jalan tidak mengikut schedule masa dan ini mengakibatkan banyak masalah-masalah terhadap penumpang-penumpang bas. Oleh itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan samada pengusaha sering memberi perhatian atas hal ini?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jelaskan tadi memang kita selalu mengawasi perjalanan bas-bas yang kita telah berikan permit itu, dan jikalau mereka itu berjalan ke tempat yang selain daripada route yang mereka telah dibenarkan, kita memang sentiasa mengambil tindakan dan kalau Ahli Yang Berhormat tahu mana-mana bas yang menjalankan bas mereka selain daripada yang telah dibenarkan, sila beritahu kepada Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun Kementerian saya supaya tindakan akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat Menteri ialah bas ini berjalan tidak mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Itu pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Jadual waktu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak mengikut jadual waktu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Itu juga diminta Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan kepada Kementerian saya dan kita akan menyiasat.

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN S.T.P.

7. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa hanya 10% daripada mereka yang mengambil peperiksaan S.T.P. dalam tahun 1975 lulus Sains dan jika ya, mengapa terdapat begitu banyak yang gagal dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Menteriannya untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, keputusan Peperiksaan S.T.P. 1975 bagi matapelajaran-matapelajaran sains adalah seperti berikut, iaitu diberikan bersama-sama dengan keputusan tahun 1974 sebagai perbandingan:

			1975	1974
Fizik	...	Principal	9.5%	7.3%
		Subsidiari	34.5%	31.6%
		Kandas	55.6%	61.1%
Kimia	...	Principal	9.3%	11.2%
		Subsidiari	45.3%	44.2%
		Kandas	45.4%	44.6%
Kajihayat	...	Principal	32.9%	9.3%
		Subsidiari	52.4%	45.1%
		Kandas	14.7%	45.6%

Daripada keputusan-keputusan yang diberikan di atas itu nyatalah bahawa pada keseluruhannya keputusan bagi tahun 1975 adalah bertambah baik jika dibandingkan dengan keputusan tahun 1974. Bagaimanapun, adalah diakui bahawa keputusan ini tidak sebaik keputusan Peperiksaan H.S.C. oleh kerana sebahagian besar daripada calon-calon sekolah yang mengambil Peperiksaan S.T.P. itu adalah berasal daripada sekolah-sekolah luar bandar. Selain dari itu calon-calon yang mengambil Peperiksaan S.T.P. jurusan sains kebanyakan terdiri dari murid-murid yang tidak dipilih untuk kursus-kursus yang dikendalikan di universiti-universiti tempatan. Dengan bertambah baiknya kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran sains di sekolah-sekolah luar bandar maka diyakini bahawa keputusan S.T.P. sains pada masa hadapan akan meningkat maju lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan kalau kita menyiasat keputusan pada tahun 1975 dan dibandingkan dengan tahun 1974 ada terdapat kemajuan sedikit walaupun beliau mengakui keputusan itu tidak baik. Tuan Yang di-Pertua, adakah beliau sedar keputusan seperti itu tidak memuaskan langsung bukan sahaja kepada kaum bumiputra, bahkan kepada bukan bumiputra juga. Beliau ada menunjukkan beberapa tempat yang ada kelemahan, jadi adakah Kementerian mengambil segala tindakan untuk memperbaiki keadaan yang begitu buruk?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya atau sebenarnya angka yang telah diberikan oleh saya tadi daripada Kementerian Pelajaran adalah satu hakikat yang sebenarnya. Dari setahun ke setahun peperiksaan baik M.C.E./S.P.M. atau H.S.C./S.T.P. jikalau keputusan peperiksaan dalam satu-satu tahun itu tidak baik tentulah kita semua bimbang, bukan kaum Melayu sahaja, tetapi semua kaum yang bukan Melayu. Jadi Kementerian Pelajaran tidaklah menafikan adanya kelemahan. Oleh sebab itu, kita telah adakan seperti saya telah jawab dua hari dahulu dalam Dewan ini, iaitu kita akan menambahkan kemudahan dari segi fizikal dan juga tenaga yang mana kita akan melengkapkan lagi lebih guru-guru mengajar sains. Kalau dalam negara kita tidak mencukupi, kita akan dapatkan bantuan daripada Kerajaan Indonesia supaya dapat dari segi tenaga bagi menambahkan guru-guru supaya mereka boleh memberikan pengajaran yang lebih sempurna kepada murid-murid kita. Kementerian Pelajaran seperti saya telah jawab dalam Dewan dua hari dahulu, kita sudah jalankan beberapa formula dan langkah-langkah telah diambil. Jadi segala tindakan telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Mengenai kegagalan penuntut-penuntut sains dalam peringkat S.T.P., saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan samada Kementerian sedar atau tidak terutama sekali di dalam peperiksaan S.T.P. aliran sains iaitu tiap-tiap pertengahan tahun sekolah-sekolah yang berkenaan mengadakan peperiksaan dalam sekolah itu sendiri untuk membuat assessment kebolehan penuntut yang akan mengambil peperiksaan

akhir tahun dan keputusan yang ditunjukkan dalam peperiksaan itu adalah baik iaitu menggambarkan seolah-olah ramai penuntut itu akan lulus pada akhir tahun. Tetapi apabila penuntut-penuntut itu menghadapi peperiksaan akhir tahun keputusannya banyak yang gagal. Apa yang saya hendak tanya, tidakkah ada kaitan pelajaran ataupun assessment test yang dibuat pada pertengahan tahun itu dengan soalan peperiksaan akhir tahun? Sebab, ini saya rasa akan menghampakan murid-murid terutama murid-murid Melayu kita dalam aliran sains.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah tertentu telah dijalankan di dalam sekolah menengah kebangsaan kita yang mana murid-murid mengambil peperiksaan S.T.P. memang ada diberikan peperiksaan setengah tahun sebagai satu assessment untuk mereka menghadapi peperiksaan akhir tahun.

Tuan Embong bin Yahya: Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa Kementerian Pelajaran sama sekali tidak membuat perbaikan di atas pelajaran sains di sekolah-sekolah aliran Melayu walaupun beberapa tahun yang lepas sudah diberitahu di Dewan ini masalah itu akan dibaiki dan dibaiki daripada segi guru-guru dan perkakasnyanya, tetapi pada tahun lepas hasilnya .32% sahaja kejayaan daripada tahun 1974. Adakah beliau sedar juga bahawa setengah sekolah aliran sains Melayu kadang-kadang didiskriminasikan, pada pertengahan tahun ditukarkan guru-gurunya ke sekolah lain, ada guru yang baik mengajar sains di sekolah menengah kebangsaan ditukar ke sekolah Inggeris, termasuk masalah perkakas yang tidak sempurna, buku-buku pada pertengahan tahun baru didapati. Adakah ini rancangan yang betul-betul Kementerian hendak memperbaiki pelajaran sains pada tahun ini supaya keputusannya tahun 1976-1977 lebih baik daripada yang ada sekarang?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soal tidak memberi perhatian berat kepada sekolah aliran sains untuk murid-murid Melayu, itu tidaklah benar. Kementerian Pelajaran pada tahun lalu sehingga hari ini dan juga masa hadapan sentiasa memberi perhatian berat kepada aliran sains sekolah menengah kebangsaan dan juga untuk sekolah yang mengajar aliran sains

untuk S.T.P. Walau bagaimanapun, kita tidak menafikan masih ada kelemahan berkenaan dengan kekurangan alat kelengkapan dan juga guru-guru. Oleh sebab itu kita telah mengendalikan usaha supaya dapat menambah kemudahan fizikal dan tenaga dan sebagainya supaya kita dapat meninggikan taraf khasnya untuk murid-murid Melayu supaya mereka boleh melengkapkan diri dengan lebih baik dalam matapelajaran sains. Dan untuk memberikan perhatian yang lebih sempurna pihak universiti telah pun dalam beberapa tahun lalu menjalankan kursus pra-universiti untuk mereka yang berminat dalam mata pelajaran sains untuk 2 tahun supaya mereka boleh melengkapkan diri dan mendapat peluang lebih sempurna atau lebih baik untuk memasuki universiti. Jadi, inilah semua langkah-langkah yang kita telah ambil untuk memberikan peluang, walaupun pada masa dahulu kita tahu ada kekurangan kepada murid-murid Melayu. Ini saya ingat satu galakan yang Kementerian Pelajaran telah ambil dan kita akan terus mengendalikan usaha tersebut untuk mengatasi masalah ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri menyatakan mengenai langkah-langkah Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki keadaan di Tingkatan VI atau Peperiksaan S.T.P., adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar walaupun langkah-langkah yang disebutkan itu memang baik, tetapi keputusan yang didapati begitu buruk ialah akibat daripada keadaan buruk dari peringkat bawah iaitu di sekolah menengah mulai Tingkatan I hingga Tingkatan V?. Kalau sekiranya keadaan buruk itu berterusan dan tidak dapat diperbaiki, apa sahaja tindakan Kementerian Pelajaran tidak boleh berfaedah kepada murid-murid yang tiba di Tingkatan VI.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita sedar sejak beberapa tahun dahulu, tetapi pada hari ini oleh kerana kesedaran dan keinsafan itu kita selain daripada sekolah-sekolah Kerajaan daripada Tingkatan I hingga Tingkatan V, kita ada memberikan pelajaran sains. Selain daripada itu di tiap-tiap negeri sekarang kita telah adakan sekurang-kurangnya sebuah sekolah menengah sains yang mana kita dapat memberikan perhatian lebih sempurna untuk menggalakkan murid-murid khasnya daripada kaum bumiputra supaya dapat

mengikuti pelajaran sains. Bahkan ada beberapa buah negeri yang mempunyai dua buah sekolah menengah sains. Jadi inilah usaha kita yang telah dijalankan dan ini juga dimulakan dari peringkat bawah bukan setakat sekolah menengah sahaja. Inilah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian.

ROMBONGAN PERDAGANGAN GETAH KE SEBERANG LAUT

8. Tuan Go Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan kita telah menghantar misi-misi getah ke seberang laut seperti ke negara-negara Timur Tengah, Eropah Timur dan Negeri China, untuk menjamin belian getah cara terus-menerus, adakah misi-misi ini telah mencapai kejayaan dan berikan butir-butir perangkaan berkenaan dengan penjualan cara terus-menerus kepada beberapa buah negara itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya rombongan-rombongan perdagangan getah ke seberang laut telah mencapai kejayaan dan berjaya memperkenalkan aktiviti-aktiviti perdagangan getah Malaysia terutama dalam usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai pasaran getah yang berkesan di dunia.

Mengenai lawatan Rombongan Perdagangan Getah Malaysia ke Republik Rakyat China, rundingan-rundingan yang telah diadakan di antara ahli-ahli rombongan tersebut dengan pihak yang berkenaan di negara Republik Rakyat China bolehlah dikatakan penting untuk menjadi alat untuk meneroka jalan bagi memperbaiki lagi cara Pasaran Getah ke negara tersebut. Satu daripada kejayaan-kejayaan rombongan tersebut yang perlu ditegaskan di sini ialah bahawa ia telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada Pegawai-pegawai China mengenai Pasaran Getah Malaysia yang tersendiri dan tiada kaitan langsung dengan Pasaran Getah Singapura, setelah pemisahan kedua pasaran tersebut pada bulan Ogos, 1973. Dan lawatan pembalasan oleh Perbadanan Kebangsaan China Kimia Impot dan Ekspot (China National Chemicals Import and Export Corporation) baru-baru ini telah membolehkan pihak-pihak berkuasa China memahami secara mendalam lagi

akan sistem Pemasaran Getah Malaysia serta fungsi-fungsi dan kemudahan-kemudahan yang tersedia di Pasaran Getah di Malaysia.

Sekarang negara itu telah melafazkan hasratnya untuk menubuhkan yunit membeli getah di Kuala Lumpur untuk mengeratkan lagi pembelian secara langsung mereka itu.

Satu kejayaan yang jelas hasil daripada lawatan rombongan Getah Malaysia ke Negeri China pada tahun lepas ialah mengenai persetujuan Negeri China untuk membeli sebanyak 40,000 tan getah terus-menerus dari pasaran getah Malaysia dalam masa beberapa bulan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah dilakukan dalam jangka masa beberapa bulan selepas lawatan itu. Dalam masa sepuluh bulan sebelum rombongan itu, China telah membeli 54,340 tan getah dan sepuluh bulan sesudah rombongan itu, ia telah membeli 81,819 tan getah dari Malaysia. Ini menunjukkan kelebihan penjualan getah asli sebanyak 21%.

Rombongan Perdagangan Getah Malaysia juga telah melawat negara-negara di Eropah Timur iaitu Russia, Republik Demokrat Jerman, Poland, Czechoslovakia, Rumania, Yugoslavia dan Bulgaria. Dari segi pembelian-pembelian getah secara terus-menerus, rombongan tersebut bolehlah dikatakan telah mencapai suatu kejayaan yang memuaskan. Setengah dari negara-negara yang dilawati, seperti Republik Demokrat Jerman, Yugoslavia dan Czechoslovakia telah membeli lebih banyak lagi getah dari pasaran getah Malaysia selepas sahaja tamat lawatan rombongan tersebut.

Negara-negara yang dilawati dapat memahami dan menghargai faedah-faedah yang boleh didapati dalam pembelian getah secara terus-menerus dan ada bukti menunjukkan bahawa lebih banyak lagi pertanyaan-pertanyaan pasaran (market enquiries) telah dibuat oleh negara-negara Eropah Timur selepas lawatan tersebut. Kebanyakan negara seperti Czechoslovakia, Yugoslavia dan Bulgaria telah membeli di pasaran getah Malaysia secara terus-menerus selepas lawatan tersebut.

Mengenai kontrek-kontrek jangka panjang pula, setengah daripada negara-negara yang dilawati dapat memahami dengan lebih mendalam lagi akan cara-cara pembelian yang dibentangkan kepada mereka oleh rombongan itu. Mereka telah bersetuju bagi

menimbangkan cadangan-cadangan yang tertentu untuk menandatangani kontrak-kontrak. Republik Demokrat Jerman telah pun menandatangani suatu kontrak jangka panjang dengan pihak MARDEC selepas sahaja tamatnya lawatan rombongan tersebut.

Selain dari itu, Rombongan Perdagangan Getah Malaysia telah juga melawat negara-negara Timur Tengah pada bulan April tahun ini. Lawatan ini adalah semata-mata bertujuan untuk memperkenalkan getah asli Malaysia dan untuk mengkaji potensi penggunaan bahan tersebut di rantau itu. Negara-negara yang dilawati termasuk negara-negara Iran, Iraq, Kuwait, Turkey dan Mesir. Negara-negara ini telah beberapa lama membeli getah daripada pasaran di London, walaupun sebahagian besar daripada bahan tersebut asal dari Malaysia.

Rombongan-rombongan tersebut telah, antara lain, berjaya untuk menegaskan faedah-faedah yang boleh didapati oleh negara-negara berkenaan sekiranya mereka membeli getah secara terus-menerus daripada Malaysia seperti melalui kontrak jangka panjang dan sebagainya. Perkara ini sedang dipertimbangkan dengan positif oleh negara-negara tersebut dan perhubungan yang telah dicapai di antara pihak-pihak pengguna dan pengimpot dari negara-negara itu dengan pihak-pihak pengeluaran dan pengeksport dari negeri ini akan memperbaiki perdagangan getah di antara Malaysia dengan negeri-negeri tersebut pada masa yang akan datang.

Oleh kerana perangkaan-perangkaan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu adalah memakan masa yang panjang, maka saya akan memberi kepada Yang Berhormat butir-butir yang berkenaan itu secara berasingan.

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan menjelaskan di dalam Dewan ini dengan negara mana kita telah membuat kontrak jangka panjang dengan harga yang berpatutan?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kontrak jangka panjang ada ditandatangani oleh pihak MARDEC iaitu satu badan atau agensi Kerajaan untuk pekebun-pekebun kecil dan negara-negara yang ada kontrak jangka panjang dengan MARDEC ialah Republik Demokrat Jerman, Yugoslavia, Czechoslovakia, baru-baru ini Republik Rakyat

China dan ada juga syarikat-syarikat daripada negara Amerika atau Eropah Barat seperti syarikat yang terbesar di U.S.A.—Good Year, Dunlop dan sebagainya dan harga itu mengikut satu formula yang dikira pada bulan yang lalu harga dari sehari ke sehari pukul rata.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Dapatkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu apakah langkah-langkah yang diambil atau rancangan yang dibuat supaya harga getah tidak semata-mata menjadi mangsa dan bergantung kepada selok-belok pasaran dunia sahaja ataupun terbiar dalam tangan golongan-golongan yang tertentu sahaja dalam negeri ini?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini adalah terkeluar daripada pokok asas soalan ini tetapi walau bagaimanapun kalau Yang Berhormat ingin tahu harga getah selalu dipengaruhi oleh faktor-faktor di pasaran dunia dan pasaran getah di dunia bukan sahaja ada di Kuala Lumpur dan di Singapura tetapi ada di London dan di New York dan pasaran yang kecilnya di Jepun dan di Eropah Barat. Dan sebagai satu negara yang mengeluarkan getah yang terbesar di dunia ini kita di Malaysia mesti boleh memberi panduan atau tujuan supaya harga getah itu berada di keadaan yang sesuai dan adil jika dibandingkan dari segi pengeluaran dan juga pengguna. Dan masa sekarang negara-negara yang mengeluarkan getah di dunia ini yang terbesar iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand dan Sri Lanka telah bersetuju akan mengadakan satu projek atau satu rancangan antarabangsa untuk menstabilkan harga ini. Dan dalam mesyuarat yang akan diadakan pada hujung bulan ini kalau dipersetujui; saya harap langkah ini boleh menjamin harga menjadi setabil pada masa yang akan datang.

PENAGIH DADAH

9. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Undang-undang menyatakan :

- (a) berapa ramaiakah penagih dadah yang dapat dipulihkan hingga hari ini;
- (b) adakah penagih dadah ini bertambah atau berkurang pada tahun 1976 ini;

- (c) samada tindakan tatatertib dikenakan kepada anggota Kerajaan yang terlibat dalam penagihan dadah; dan
- (d) berapa orangkah pengedar dadah yang telah dihukum berat termasuk hukuman mati.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah penagih-penagih yang telah keluar dari ketiga-tiga Pusat Pemulihan yang ada di negeri ini ialah 99 orang. Ketiga-tiga pusat pemulihan yang berkenaan mula bergerak pada 1hb Oktober, 1975.
- (b) Tidak dapat dipastikan sekarang ini samada bilangan penagih-penagih dadah bertambah atau berkurang bagi tahun 1976. Ini ialah kerana ketiga-tiga Pusat rawatan dan pemulihan yang ada itu hanya mula pada bulan Oktober, 1975 dan tidak dapat perbandingan hendak dibuat. Lagi pun kita tidak ada mengambil banci berapa banyak penagih dadah dalam negeri ini kalau dibanci pun, penagih itu tidak keluar menyatakan dia penagih. Walau bagaimanapun, pada pandangan saya dan saya fikir pada Ahli Yang Berhormat juga belum berkurang lagi penagih dadah boleh jadi ada bertambah.
- (c) Kerajaan telahpun baru-baru ini meluluskan satu peruntukan tata-tertib bagi kakitangan Kerajaan yang terlibat dalam kesalahan jenayah di bawah Undang-undang Dadah Merbahaya dan keduanya mereka yang terlibat dalam penagihan dadah. Bagi mereka yang ada kegiatan menyimpan, mengedar dan menyalahgunakan dadah adalah satu kesalahan jenayah yang boleh dihukum oleh mahkamah. Jikalau pegawai atau kakitangan Kerajaan didapati salah, maka itu adalah satu kesalahan jenayah dan terus tindakan tata-tertib biasa dijalankan seperti juga melakukan jenayah-jenayah lain.

Tetapi bagi ketagih-ketagih dadah pula yang pada masa ini belum ada peraturannya. Jikalau selepas diperiksa oleh doktor didapati dia itu ketagih, maka dia pergi mendapat rawatan atau pulih, mereka dapat gaji macam juga penyakit batuk kering atau penyakit yang lain yang panjang masanya

berubat. Ini telah dikaji dan dibuat keputusan oleh Kerajaan. Saya terangkan di sini iaitu mengenai kelayakan mendapat gaji semasa bercuti sakit di bawah Perintah Am Bab C 1974 adalah pada asasnya bermaksud meliputi sakit-sakit yang natural seperti sakit kusta, sakit Tibi dan sebagainya. Dalam kes penyakit ketagihan dadah ini ianya adalah timbul kerana perbuatan sendiri, yang mana seharusnya mereka itu dapat mengelakkan. Penyakit dicari, kita kata. Oleh kerana itu adalah difikirkan paling tidak wajar bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang diberi cuti kerana menjalani rawatan perubatan dan pemulihan diberi pula gaji penuh. Jika pun cuti sakit itu perlu diluluskan kerana untuk memelihara perkhidmatannya dia tidak seharusnya diikuti dengan gaji penuh tetapi secara tanpa gaji. Maknanya, tidak dibayar gaji. Oleh itu, kita akan membuat pindaan atas Perintah Am Bab "C" dalam bulan ini.

Langkah ini adalah difikirkan wajar memandangkan tempoh rawatan itu lazimnya lama, enam bulan hingga setahun. Dan tidaklah adil bagi mana-mana pegawai yang tidak menjalankan tugas-tugasnya diberi upahan dengan sepenuhnya. Pindaan ini secara tidak langsung akan menegakkan lagi pendirian Kerajaan terhadap masalah dadah ini oleh kerana tidak akan ada lagi mana-mana pihak atau rakyat jelata yang boleh menuduh Kerajaan seolah-olah Kerajaan menggalakkan kegiatan penyalahgunaan dadah. Sepertimana yang boleh terjadi jika sekiranya Kerajaan terus membenar penagih-penagih dadah, pegawai-pegawai Kerajaan dan kakitangan Kerajaan mendapat gaji penuh dalam masa rawatan.

Berkenaan dengan akibat terhadap kelayakan pencen bagi tempoh cuti tidak bergaji ini, pindaan juga akan dibuat. Peraturan pencen boleh diaturkan. Tetapi Kerajaan menimbang pula, rasanya ada juga kakitangan Kerajaan yang belum tahu hal ini. Kita beri peluang iaitu sebelum pindaan ini dikuatkuasakan samada bulan ini atau bulan depan, satu tempoh pengampunan selama tiga bulan diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan

yang terlibat penyakit dadah atau yang ketagah supaya tampil kehadapan dengan sukarela bagi menerima rawatan perubatan dan pemulihan dengan mendapat gaji penuh. Selepas tiga bulan itu tidak dapat lagi melainkan kalau didapati maka mereka tidak dapat gaji penuh selepas itu tindakan tata-tertib akan diambil pada mereka.

- (d) Setelah pindaan Ordinan Dadah Berbahaya dikuatkuasakan mulai bulan April 1975, belum ada lagi pengedar-pengedar dadah yang dijatuhkan hukuman berat termasuk hukuman mati atau jel seumur hidup. Walau bagaimanapun, seramai 15 orang penyeludup dan pengedar dadah yang sedang menunggu untuk dibicarakan di bawah Undang-undang pindaan itu dan jika sabit kesalahan mereka itu bolehlah dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup.

Saya dapat tahu banyak rakyat jelata dan Ahli Yang Berhormat tidak puas hati kerana kelambatan perbicaraan. Maka soal kelambatan perbicaraan ini bukanlah kuasa saya sebagai Menteri Undang-undang, tetapi terpulanglah kepada Mahkamah sendiri.

Apa yang saya dapat buat, Tuan Yang di-Pertua, ialah menulis surat kepada Hakim Besar atau Ketua Pendaftar minta meletakkan perbicaraan. Kes-kes yang membawa hukuman bunuh biasanya ada preliminary enquiry (siasatan awal) oleh Mejistret. Lepas itu barulah dibicarakan di Mahkamah Tinggi dengan juri. Ini juga mengambil masa. Jadi kita tengoklah bagaimana di dalam pindaan Perlembagaan yang ada di hadapan kita ini yang akan menambah bilangan hakim-hakim supaya ramai hakim dan dibuka banyak lagi mahkamah, kerana negeri kita telah membangun dengan pesatnya kes kes bertambah, jenayah bertambah, sepatutnya mahkamah dan hakim pun patut ditambah juga. Itulah satu daripada tujuan kita hendak buat satu pindaan yang mustahak dalam Perlembagaan kita. Saya harap dengan adanya pindaan itu rasa saya kes-kes yang lambat dibicarakan itu akan dijelaskan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa hasil daripada kempen Kerajaan melalui TV dan radio yang menyeru penagih-penagih dadah tampil kehadapan untuk mendapatkan pemulihan, maka ramai penagih-penagih dadah, terutama di Pulau Pinang yang tampil ke depan dan bersedia untuk menerima rawatan. Tetapi dukacita tempat di Pulau Pinang itu sudah tidak muat lagi oleh sebab penagih-penagih ini terlalu banyak. Saya dapat aduan daripada pegawai yang berkenaan minta dikemukakan kepada Menteri yang berkenaan. Apakah langkah-langkah Yang Berhormat Menteri untuk mengatasi perkara ini?

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Sungguhpun rawatan dan pemulihan itu di bawah Kementerian Kebajikan Am, saya boleh juga menjawab dan saya tahu memang sebetulnya tempat rawatan memang tidak mencukupi dan dengan sebab itulah ada peruntukan yang besar dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk menambahkan tiga pusat-pusat rawatan yang lebih besar yang boleh dikatakan di merata negeri kita untuk menampung bertambahnya penagih-penagih dadah; apatah lagi dengan adanya kempen di Radio dan Talivisyen dan juga PEMADAM. Saya percaya dan bersetuju seperti kata Yang Berhormat itu akan bertambah lagi mereka terhadap mendapatkan pemulihan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Kita faham bahawa Kerajaan telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini, tetapi bila dibaca berita-berita dalam suratkhbar, yang diberkasnya cuma penagih dan pengedar-pengedar dadah yang retail. Kami belum nampak berita pengedar-pengedar wholesale yang pengedarannya meliputi seluruh negara ada diberkas. Kalau betul cakap saya ini, dapatkan diberi penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kedudukan yang dikatakan ini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga tahu bagaimana sukarnya hendak menangkap yang dikatakan nombor satu di atas. Yang kita dapat boleh dikatakan habis tinggi nombor dua, tiga atau

nombor empat kerana mereka itu menjalakan penyeludupan dan lain-lainnya itu ialah kadang-kadang antara yang pertama dan kedua; tak kenal, tak tahu dan nombor dua dengan nombor tiga pun tidak tahu orangnya. Walau apa pun dibuat atas mereka itu memang tak boleh dapat tahu, ini telah didapati. Tetapi walau bagaimanapun, tidak pernah kita tidak dapat menangkap penyeludupan-penyeludupan besar bagaimana boleh dikatakan enam hari yang lepas dan semalam juga dalam kapal di Telok Anson dan lain-lain, berpaun-paun heroin telahpun dirampas dan berapa banyak lagi kata pihak polis, saya dengar telah ditangkap; saya pun baca dalam suratkhbar sahaja kerana dibuat oleh pihak polis yang menangkap. Mereka itu ada bukti kalau bicara di mahkamah sememang tidak tampil kerana tidak ada seorang pun berani ke hadapan memberi keterangan. Sebab, kalau dia beri keterangan enam hari lepas itu barangkali dia pun hilang, ini yang mereka takut. Kalau tidak ada bukti maka kita hendak menangkap pun hendaklah berhati-hati kerana takut orang yang tidak cukup keterangan kena aniaya pula. Kalau ada bukti walau berapa tinggi pangkatnya sekalipun kita akan tangkap. Sebab kita tidak tahu siapa yang nombor satu itu, boleh jadi Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, kita tidak tahulah. (*Ketawa*). Kita tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, itu sebabnya susah. Kalau dapat bukti, kita akan jalankan.

Dr Hee Tien Lai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan apakah sumbangan yang telah diberi oleh pihak Kesatuan Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Association) atau lain-lain pertubuhan perubatan dalam usaha untuk menghapuskan salah guna dadah seperti yang dilaporkan dalam suratkhbar di muka hadapan beberapa bulan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Satu dua pertanyaan yang baru lepas ini nampaknya terkeluar daripada soalan yang asal, tetapi sebab perkara itu mustahak, saya biarkan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Ini jikalau Yang Berhormat Menteri tidak hendak jawab tak mengapa. Kalau hendak jawab, silakanlah.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Memang ada separuh-separuh doktor

menolong mereka yang penagih dadah dan kalau tidak boleh diubah dihantar pula ke hospital supaya dirawat. Dan yang ada pula sememang dipanjangkan mengubat mereka itu sebab banyak pula dapat hasil.

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang kita tahu bahawa pihak Kementerian memang berusaha untuk mengurangkan atau menghadapi masalah dadah ini, tetapi saya rasa telahpun diperkatakan bahawa masalah dadah ini bukanlah semata-mata masalah biasa. Jadi, menghadapi dadah ini bukanlah semata-mata kita mengadakan tempat perubatan pemulihan atau sebagainya, tetapi saya rasa sejauh manakah pihak Kementerian telah dapat menyusuli asal daripada manakan dan apakah sebabnya, adakah atau tidak tujuan-tujuan lain daripada semata-mata masalah sosial yang melibatkan masalah dadah, kerana masalah ini saya rasa cukup besar. Barangkali Kementerian telahpun mencari jalan lain semata-mata hendak mengadakan pemulihan, perubatan itu dan ini tetapi masalah yang lebih besar yang barangkali ada juga terlibat masalah politik atau sebagainya. Barangkali soalan ini terkeluar sedikit daripada tujuan asal, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri dapat jawab, saya ucapkan terima kasih.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, tentang penyelidikan menyalahgunakan atau penagih dadah telah dibuat oleh Universiti Sains Pulau Pinang yang mana saya telah mengutip derma memberi bantuan lebih kurang \$60,000 dan tidak lama lagi hasil siasatan itu akan dapat dikeluarkan dan dapat kita gunakan bagaimana dan apa sebabnya mereka ini khasnya murid-murid sekolah yang bertambah menjadi penagih dadah. Soal yang besarnya kita tahu datang dadah ini dari luar negeri khasnya morphine dan heroin selain dari ganja sahaja ditanam di sini, itu-pun sudah kurang. Tetapi khasnya heroin datang daripada utara—Golden Triangle, tiga penjuru di utara sana melalui Thailand kebanyakan atau dari laut masuk ke mari.

Dan kita telah buat sedaya-upaya kerjasama antara negeri-negeri ASEAN dan juga dengan Kerajaan Siam bagaimana caranya kita hendak mengurangkan ataupun membasmi penyeludupan dadah masuk ke

negeri ini. Kita ada menghantar atau terpaksa kita keluarkan ejen-ejen kita di negeri-negeri sana supaya dapat tahu, kalau tidak bagaimanakah boleh kita dapat tahu mereka itu membawa dadah, apabila tiba ke negeri kita terus ditangkap sahaja. Penyelidikan ini ada dijalankan, ada ejen dan lain-lainnya. Tentang apakah tujuannya negeri kita ini banyak sangat masuk dadah, itu saya tidak dapat pastikan, boleh jadi pihak polis (Special Branch) tahu tetapi yang saya dapat pandangan sahaja selama saya menjaga Biro Narkotik ini dua tujuan, kerana negeri kita sangat maju ini dan banyak kesenangan nampaknya banyak yang akan menggunakan dadah, yang tujuannya ialah mendapatkan kewangan dan kekayaan.

Yang keduanya, adalah untuk tujuan melemahkan rakyat-rakyat negeri ini apakala mereka itu telah ramai pemuda dan belia-belia kita penagih dadah dan rosak masyarakat kita, maka senanglah negeri ini dimasukkkan dengan subversion dan ditawan khasnya oleh pihak kominis, itu satu daripada tujuannya.

Yang ketiga, boleh jadi sebahagian daripada wang penyeludup yang melalui daripada sempadan sana dengan pertolongan pihak-pihak kominis dapat digunakan pula bagi pihak mereka itu untuk menjalankan dakyah dan lain-lain lagi. Ini tiga tujuan memang ada tetapi mana satu lebih berat kita tidak tahu. Tetapi terang dan nyata bumiputra, orang Melayu bertambah tiap-tiap tahun bilangannya.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada bersangkutan dengan soalan asalkah?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Ya, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahan yang akhir. Kalau banyak soalan tambahan kita dalam Dewan ini nanti pusing kepala. Tuan Yang di-Pertua sendiri 6-7 bulan ini sudah pening kepala, tetapi bukan fasal dadah. (Ketawa)

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Ini ada kaitan mengenai tindakan tata-tertib kepada pegawai-pegawai Kerajaan awam yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri

yang berkenaan tadi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan walaupun Undang-undang dikeluarkan ataupun syarat-syarat dikenakan akan diambil tata-tertib kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan kakitangan Kerajaan yang ada terlibat mengenai dadah. Saya hendak bertanya, sejauh manakah kuasa-kuasa diberi kepada satu-satu jabatan ataupun Ketua-ketua Jabatan untuk bertindak dengan serta merta sekiranya jabatan itu dapati ada di antara kakitangan mereka yang terlibat samada penagih ataupun menjual dadah.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan pada masa yang lepas bagi Ketua Jabatan, maka adalah kewajipan bagi Ketua Jabatan itu mengambil lapuran dan merepotkan kepada pihak yang berkuasa tata-tertib. Sekiranya mereka itu tidak merepotkan, maka tindakan boleh diambil atas Ketua Jabatan kerana melalaikan menjalankan tugasnya sebagai Ketua Jabatan.

SAWAH DI PERAIRAN KEMUBU

10. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa setengah-setengah sawah di kawasan perairan Kemubu tidak dapat ditanam padi pada musim penanaman tahun 1976 kerana air tidak sampai ke sawah-sawah tersebut. Jika ya, apakah sebab-sebabnya dan apakah usaha-usaha untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya sangatlah sedar. Ini adalah disebabkan masaalah kemarau yang berpanjangan selama 4 bulan. Dengan adanya kemarau yang berlarutan itu maka paras air di Sungai Kelantan (punca air untuk sawah-sawah di kawasan itu) terlalu rendah, dan dengan demikian menjejaskan kecekapan pam-pam yang digunakan untuk memasukkan air ke sawah-sawah tersebut. Dengan sebab kemarau ini juga maka sawah-sawah itu memerlukan banyak air daripada biasa disebabkan kehilangan air yang banyak melalui serapan dari bumi dan juga daripada udara. Ini juga menyebabkan pam-pam itu terpaksa bekerja lebih daripada masa yang sepatutnya. Dengan keadaan di luar kawalan ini dan dengan keupayaan yang terhad pam-pam hanya boleh mengairkan sebahagian daripada sawah-sawah di perairan Kemubu

iaitu kawasan-kawasan yang berdekatan dengan rumah pam atau berdekatan dengan punca air. Bagi kawasan-kawasan yang jauh dari rumah pam maka air tidak dapat disampaikan.

Saya sangat dukacita di atas kejadian yang berlaku ini kerana kemarau di sepanjang masa 4 bulan ini adalah luar biasa dan ini ialah kuasa Tuhan yang menjadikan alam ini.

Bagi mengatasi masalah ini Kementerian saya telah memberi peruntukan serta-merta sebanyak \$300,000 kepada Jabatan Pertanian Negeri dengan tujuan supaya petani-petani di situ dapat menanam tanaman jangka pendek seperti kacang tanah, kacang hijau, kacang soya, cili, jagong, sayur-sayuran dan sebagainya. Bagi mengatasi kemerosotan ekonomi mereka dengan membekalkan benih-benih dan baja-baja yang diperlukan secara percuma.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 36 adalah diberi di bawah ini).

PELAJARAN UGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN

11. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Majlis Penasihat Hal Ehwal Pelajaran Ugama Islam di bawah Kementerian Pelajaran telah membuat apa-apa kajian terhadap pelajaran Ugama di Sekolah-sekolah Kerajaan. Jika ada apakah hasil yang telah diperolehi untuk menentukan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah dan apakah langkah bagi mengatasi kelemahan itu.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Majlis Penasihat Hal Ehwal Pelajaran Ugama Islam bagi Menteri Pelajaran telahpun menjalankan tugas-tugas yang ditetapkan, di antaranya mengkaji Pelajaran Ugama di sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan. Satu Laporan mengenainya sedang disediakan dan akan dikemukakan kepada saya untuk pertimbangan. Setelah laporan itu diserahkan nanti dan selanjutnya dikaji dapatlah Kementerian ini mempertimbangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki Pelajaran Ugama di sekolah-sekolah.

JAWATANKUASA PENCEGAH DAN KAWALAN KEBAKARAN

12. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan mengapa mesyuarat Jawatankuasa yang diketuai oleh Datuk Alwi Jantan tidak terbuka kepada orang ramai dan samada beliau sedar bahawa tindakan seperti ini akan merosakkan nama baik dan juga menghapuskan kepercayaan orang ramai terhadap Jawatankuasa tersebut.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Kementerian saya telah menubuhkan Jawatankuasa Pencegahan dan Kawalan Kebakaran mengikut arahan Jumaah Menteri pada bulan April, 1976. Penubuhan Jawatankuasa ini ialah akibat daripada suatu laporan Pasukan Petugas Kejadian Kebakaran, yang telah membuat kajian yang dalam ke atas kedudukan kejadian kebakaran dan Perkhidmatan Bomba di Malaysia. Tugas Jawatankuasa Pencegahan dan Kawalan Kebakaran ialah untuk menyiasat dan mengkaji kejadian-kejadian kebakaran yang besar-besar yang berlaku dan kemudian mengemukakan pandangan dan syor-syornya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan.

Dalam menjalankan penyiasatan-penyiasatan atas kejadian kebakaran di Campbell Complex itu, Jawatankuasa ini telah dan akan menjemput penyertaan orang ramai untuk membantu dalam kerja-kerja penyiasatan. Tindakan seumpama ini akan memberi peluang kepada orang ramai untuk mengemukakan pendapat-pendapatnya untuk kepentingan sama.

Laporan terakhir Jawatankuasa tersebut akan dikemukakan kepada Jumaah Menteri untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun Jawatankuasa ini akan mengeluarkan kenyataan akhbar kepada orang ramai dari masa ke semasa, atas perjalanannya sekiranya perlu.

Memandangkan bahawa pihak orang ramai juga dijemput untuk memberi pandangan dan ulasannya dalam penyiasatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini, serta kenyataan-kenyataan akhbar yang dikeluarkan olehnya, soal kemerosotan kepercayaan orang ramai sepatutnya adalah tidak timbul lagi.

LALU-LINTAS DI BANDRAYA KUALA LUMPUR

13. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan setakat hari ini untuk melicinkan perjalanan lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Berbagai-bagai langkah telah diambil oleh Kerajaan setakat ini untuk melicinkan perjalanan lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Langkah-langkah tersebut ialah seperti berikut:

- (a) *Penguatkuasaan yang ketat terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan lalu-lintas.*

Satu pasukan yang dipanggil "Yunit Warden Lalu-lintas" telah ditubuhkan pada tahun lepas untuk membantu Polis Trafik dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan di jalanraya. Setakat ini 48 orang Warden Trafik sudah dilatih dan sedang bertugas di Bandaraya Kuala Lumpur. Langkah-langkah telahpun diambil untuk menambah bilangan Warden Trafik yang ada sekarang. Seramai 156 orang Warden lagi akan diambil bertugas pada bulan Julai 1976.

- (b) *Lampu Isyarat Trafik*

Peringkat masa lampu-lampu isyarat (the timing of the existing signals) di dalam Bandaraya adalah berkaitan antara satu masa lain dan dikuasai oleh satu "master controller". Peringkat masa (timing) telah diperbaiki semula pada awal tahun ini dan ini telah dapat mempercepatkan lagi masa perjalanan sebanyak lebih kurang 20%.

- (c) *Langkah-langkah Pengurusan Lalu-lintas (Traffic Management Measures)*

Langkah-langkah telah diambil di mana perlu untuk memperbaiki keadaan dan keupayaan jalan-jalan dan menggunakan sepenuhnya jalan-jalan yang ada sekarang melalui Pengurusan Lalu-lintas.

- (d) *Pembinaan dan Memperbaiki Jalan*

Langkah-langkah sedang diambil untuk mempercepatkan lagi pembinaan

dan memperbaiki beberapa jalan-jalan penting seperti Jalan Pekeliling dan Jalan Pahang. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memperbaiki lebih banyak lagi jalan-jalan penting di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

- (e) *Sistem Menghadkan Kenderaan (Vehicle Restraint System)*

Kerajaan sudah bercadang untuk melaksanakan sistem kenderaan-kenderaan terhad yang akan dikuatkuasakan pada pertengahan tahun 1977 ini. Di dalam sistem kenderaan terhad ini akan dibina jalan-jalan khas untuk bas-bas sahaja dan mengenakan bayaran-bayaran yang tertentu bagi kenderaan yang melalui pusat bandar (Area Road Pricing) dengan tujuan untuk mengurangkan kenderaan-kenderaan yang mempunyai muatan penumpang yang rendah memasuki atau melalui pusat Bandar Kuala Lumpur.

- (f) *Yunit Kenderaan Terkandas*

Sebuah yunit yang dipanggil "Yunit Kenderaan Terkandas" telah ditubuhkan pada tahun lalu untuk menarik kenderaan-kenderaan yang terkandas di lalu-lintas di dalam Wilayah Persekutuan yang disebabkan oleh kemalangan atau kerosakan. Ini akan dapat melicinkan perjalanan kenderaan-kenderaan di Bandaraya.

Perlu juga diterangkan di sini bahawa keutamaan dalam usaha-usaha bagi mengatasi kesesakan lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur ini ialah untuk memperbaiki sistem kenderaan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan-kenderaan persendirian.

Bagi menentukan perjalanan lalu-lintas yang lebih lancar dan lain-lain aspek yang berkaitan satu Jabatan yang dinamakan Jabatan Pengurusan Trafik (Traffic Management Department) telahpun ditubuhkan di Dewan Bandaraya.

MUATAN MAKSIMA LORI-LORI

14. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan jalanraya selalu rosak disebabkan oleh kenderaan berat yang digunakan oleh kilang perusahaan; jika

sedar adakah beliau bercadang untuk menghadkan muatan lori-lori berkenaan ataupun menaikkan gred ketahanan jalan-jalan tersebut terutama di Hilir Perak.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Kementerian saya sedar bahawa terdapat setengah-setengah jalanraya yang telah rosak disebabkan oleh kenderaan-kenderaan berat. Walau bagaimanapun memang sudah terdapat undang-undang yang menghadkan muatan maksima yang dibenarkan dibawa oleh kenderaan-kenderaan berat ini dan juga had berat untuk menggunakan sesuatu jalanraya. Penguatkuasaan undang-undang ini adalah dijalankan oleh pihak Polis dan juga Pegawai-pegawai Penguatkuasa dari Jabatan Pengangkutan Jalan. Kenderaan-kenderaan yang didapati melanggar undang-undang ini bagi sesuatu jalan adalah bersalah dan boleh didenda.

Berhubung dengan soal menaikkan gred jalan-jalan pula saya suka lah memaklumkan bahawa kajian lalu-lintas di atas jalan-jalan adalah dijalankan dua kali tiap-tiap tahun bagi membolehkan pihak Jabatan Kerja Raya menentukan rancangan-rancangan memperbaiki dan memperkukuhkan jalan-jalan tersebut yang mana akan dilaksanakan mengikut keutamaannya. Kaedah ini adalah dipakai bagi semua jalanraya termasuk di Hilir Perak.

ORDINAN KESATUAN SEKERJA

15. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan akan membuat pindaan semula Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 untuk mengembalikan kepada Kesatuan Sekerja hak untuk mengambil tindakan politik dengan menubuhkan sebuah kumpulanwang atau tabung politik.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Kerajaan tidak bercadang untuk membuat pindaan semula Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 kerana ini adalah tidak perlu. Pekerja-pekerja yang ingin membuat sumbangan kepada tabung politik bolehlah berbuat demikian melalui mana-mana parti politik yang mereka sendiri menjadi ahli biasa.

FELDA—BANTUAN SARA HIDUP

16. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada Kementerian ini sedar bahawa pemberian wang bantuan sara hidup bulanan sebanyak \$100 sebulan kepada peserta FELDA yang belum mendapat hasil itu mencukupi memandangkan keadaan sara hidup sekarang ini makin tinggi dan adakah Kerajaan bercadang hendak menambahnya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan bagi menempatkan seseorang keluarga dalam rancangan-rancangan FELDA dengan tujuan untuk membolehkan ramai lagi penduduk-penduduk luar bandar bermastautin di rancangan-rancangan pembangunan FELDA.

Bukanlah menjadi tujuan Kerajaan supaya seseorang peneroka itu bergantung semata-mata kepada bantuan sara hidup yang diberikan oleh FELDA. Mereka dan ahli-ahli keluarga mereka adalah sentiasa digalakkan menanam tanaman makanan dan usaha ternakan dan juga membuat kerja-kerja lain yang boleh didapati di rancangan-rancangan mereka dan rancangan-rancangan yang berdekatan yang belum mempunyai peneroka-peneroka. Sebenarnya kebanyakan daripada mereka itu telahpun berbuat demikian dan bagi mereka yang berusaha itu, pendapatan tunai bagi keluarga mereka adalah lebih tinggi daripada \$100 sebulan.

Jika bantuan sara hidup ditinggikan lagi, tentulah beban bayaran hutang mereka akan bertambah berat dan akan mendatangkan kesusahan kepada mereka kemudian kelak. Oleh itu peneroka sentiasa digalakkan untuk lebih berdikari dan jangan bergantung semata-mata kepada bantuan sara hidup yang diberikan oleh FELDA.

PENYELUDUPAN DADAH

17. Tuan Lim Cho Hock bertanya kepada Menteri Undang-undang samada beliau sedar bahawa ketagihan dadah dalam negeri ini masih bertambah. Jika ya, apa tindakan istimewa telah Kerajaan ambil untuk memperhentikan penyeludup dadah yang bahaya ke dalam negeri.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Kerajaan sememangnya sedar yang ketagihan dadah adalah bertambah. Segala langkah yang perlu telah diambil untuk membendungkannya. Antara tindakan-tindakan tersebut ialah pindaan kepada undang-undang Ordinan Dadah Berbahaya yang membawa kepada hukuman mati atau penjara seumur hidup, penubuhan Pusat Biro Narkotik, penubuhan Jawatankuasa Penasihat atas Pencegahan Salahguna, Penubuhan Jawatankuasa Kabinet dan baru-baru ini Persatuan Kebangsaan Mencegah Salahguna Dadah (PEMADAM) telah dilancarkan dengan tujuan melibatkan setiap anggota masyarakat untuk sama-sama menentang kegiatan ini.

Dalam bidang penguatkuasaan pula, agensi-agensi penguatkuasaan sentiasa mengadakan kawalan dan pemeriksaan yang ketat di pintu-pintu masuk ke negara ini. Hasil dari tindakan ini jumlah orang-orang yang ditangkap kerana kesalahan dadah dan jumlah dadah yang dirampas adalah bertambah dari tahun ke setahun seperti ditunjukkan dalam perangkaan di bawah ini:

Tahun	Jumlah orang yang ditangkap		
1971	...	...	71
1972	...	...	1,155
1973	...	...	1,613
1974	...	...	1,819
1975	...	...	3,202
Suku Pertama Tahun			
1976	...	...	971

Jumlah dadah yang dirampas juga bertambah misalnya dalam tahun 1971 banyaknya heroin yang dirampas ialah 3.3 ozs tetapi dalam tahun 1975 jumlahnya ialah 188 paun.

PELAN INDUK KUALA LUMPUR

18. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan, samada beliau sedar bahawa pertumbuhan Bandaraya Kuala Lumpur secara teratur telah terjejas sama sekali, disebabkan oleh ketiadaan plan induk, dan jika ya, bilakah Menteri yang berkenaan bercadang hendak memperkenalkan satu plan induk yang tepat dan muktamad, supaya pertumbuhan Wilayah Persekutuan secara teratur dapat dilaksanakan.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Kuala Lumpur yang dahulu mempunyai luas 36 batu persegi memanglah telah mempunyai satu Plan Induk yang dinamakan Comprehensive Development Plan No. 1039, 1040, 1041 yang telah diluluskan oleh Y.B. Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada 18hb Ogos, 1970. Ketiga-tiga plan yang digazetkan pada 18hb Ogos, 1970 itu ialah:

- (1) C.D.P. (Central Commercial Area No. 1039).
- (2) C.D.P. (Density Zoning No. 1040).
- (3) C.D.P. (Land Use Zoning No. 1041).

tetapi setelah Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan di mana luasnya bertambah kepada 94 batu persegi dan juga disebabkan oleh pembangunan yang begitu pesat, plan-plan tersebut di atas memanglah didapati tidak lagi sesuai dan perlulah diperbaharui untuk sejajar dan seimbang dengan perkembangan dan pembangunan yang sedang bergolok di Wilayah Persekutuan sekarang. Oleh itu buat masa ini pihak Dewan Bandaraya sedang mengambil tindakan untuk menyediakan satu Plan Induk yang meliputi keluasan 94 batu persegi supaya dapat disesuaikan dengan pembangunan masa ini.

CALUN-CALUN MEMASUKI MAKTAB PERGURUAN

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah meminta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah panduan atau keraitiria bagi memilih calon-calon untuk memasuki Maktab-maktab Perguruan di negara ini pada tahun yang lepas;
- (b) bilangan yang telah diambil masuk ke Maktab-maktab pada awal tahun 1976 ini, dan dari jumlah itu beberapa ramai pula calon-calon yang dipilih kerana Kepujian atau Lulus dalam Ilmu Hisab atau Sains dalam Sijil Pelajaran Malaysia;
- (c) adakah menjadi dasar Suruhanjaya atau Kementerian ini tidak mengambil calon-calon yang lulus S.P.M. pangkat satu tanpa Kepujian atau Lulus dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab atau Sains.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran adalah badan yang memilih calon-calon untuk memasuki Maktab-maktab

Latihan Perguruan dan Suruhanjaya itu menetapkan prinsip-prinsip dan asas-asasnya bagi pemilihan itu. Umumnya kelulusan atau sijil menjadi syarat minima sahaja. Mereka yang mendapat syarat minima biasanya jauh lebih ramai dari tempat yang ada. Oleh itu temuduga adalah penting untuk menolak sebahagian daripada permohonan. Sekali lagi kecapaian yang tinggi sahaja tidak boleh menjamin kepujian walaupun kemungkinan diterima adalah lebih. Jika kecapaian dalam peperiksaan menentukan kejayaan, masalah yang akan dihadapi ialah apabila kelulusan sama siapakah yang akan dipilih memandangkan tempat yang kurang.

- (b) Bilangan calon yang telah diambil masuk ke Maktab-maktab dalam tahun 1976 ialah seramai 6,310 orang. Dari jumlah ini 4,942 orang memiliki kepujian atau lulus dalam mata-pelajaran ilmu hisab atau sains.
- (c) Bukanlah menjadi dasar Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran atau Kementerian Pelajaran untuk tidak mengambil calon-calon yang lulus S.P.M./M.C.E. Pangkat I tanpa kepujian atau lulus dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab atau Sains. Tetapi pengambilan adalah tertakluk kepada apa yang disebut dalam (a).

HOSPITAL BARU PASIR MAS

20. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah pembinaan hospital baru di Pasir Mas akan dimulakan dan bilakah akan siap.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Hospital Baru Pasir Mas Kelantan adalah satu projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Pada masa ini, projek ini adalah dalam peringkat pengambilan tanah. Apabila kerja-kerja ini telah selesai kelak, perancangannya akan dimulakan dan tender pembinaannya akan dipanggil.

MAKTAB KOPERASI

21. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar kemajuan perkembangan koperasi di negara ini lambat kerana Maktab Kerjasama yang

tunggal dalam negeri ini hanya dapat melatih sebahagian kecil sahaja pemimpin-pemimpin koperasi, jika sedar, bilakah beliau akan mendirikan sebuah Maktab Koperasi yang lebih besar dan dapat melatih lebih ramai pemimpin-pemimpin koperasi di negara ini.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Saya tidak sedar tentang perkembangan koperasi di negara ini lambat kerana kemajuan yang telah dicapai sejak koperasi ini dilancarkan dalam tahun 1924 sehingga sekarang amatlah menggalakkan. Bilangan koperasi, keanggotaan, modal saham dan jumlah harta kian bertambah demi tahun ke tahun. Kita ada juga mempunyai koperasi-koperasi yang besar dan berjaya seperti M.C.I.S., Bank Rakyat, Koperasi Serbaguna Malaysia.

Saya sedar peranan Maktab Kerjasama dalam memberi latihan koperasi ini boleh dibaiki lagi. Ini disebabkan bermacam-macam faktor terutama sekali ialah kewangan. Badan pengurusan Maktab ini sedang mengkaji tindakan-tindakan yang sesuai untuk membolehkan Maktab Kerjasama ini memainkan peranan yang lebih besar dari yang sudah-sudah. Latihan-latihan koperasi ini bukan sahaja diadakan oleh Maktab Kerjasama tetapi ada juga dijalankan oleh lain-lain Badan seperti ANGKASA, Persatuan Koperasi Bandaran Malaysia, M.C.I.S., Bank Rakyat dan juga Jabatan Pembangunan Koperasi.

DOKTOR-DOKTOR KERAJAAN

22. Pengiran Tahir bin Pengiran Patera minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa orang doktor yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan di negeri ini;
- (b) berapa orang doktor yang telah meletakkan jawatan dalam tahun 1973, 1974 dan 1975, dan sebab-sebab mereka berbuat sedemikian;
- (c) berapa orang doktor yang diperlukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (d) berapa orang doktor Kerajaan yang berkhidmat di Sabah.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Seramai 1,587 orang doktor sedang berkhidmat dengan Kerajaan di negara ini pada masa sekarang.

(b) Soalan yang sama telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 18hb November, 1975, di Dewan ini dan saya telahpun menjawabnya.

(c) Jumlah doktor-doktor yang diperlukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah:

(i) Pakar-pakar	...	...	408
(ii) Pegawai Perubatan	...	...	1,423
(iii) Perkhidmatan Kesihatan	...	...	363
JUMLAH			2,194

(d) Seramai 55 orang doktor sedang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Sabah pada masa ini, iaitu 44 orang Pegawai Perubatan, 8 orang doktor Pakar dan 3 orang Pegawai Perubatan Pentadbir.

UNDANG-UNDANG BURUH

23. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bila Kerajaan akan melantik sebuah Jawatankuasa yang berkuasa tinggi untuk mengkaji dan membuat kajian semula Undang-undang Buruh dan Perusahaan di negara ini.

Datuk Lee San Choon: Undang-undang Buruh negara ini adalah sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa supaya ia selaras dengan dasar dan rancangan pembangunan negara. Jika sekiranya pindaan perlu diperbuat, cadangan-cadangan pindaan tersebut adalah dibincangkan terlebih dahulu di Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan (N.J.L.A.C.) iaitu satu badan tiga pihak (tripartite) yang mengandungi wakil-wakil dari pihak kerajaan, majikan dan kesatuan sekerja. Majlis ini adalah satu badan tertinggi yang menasihatkan saya di dalam perkara-perkara berkaitan dengan buruh. Di dalam persidangan Dewan Rakyat kali ini dua Rang Undang-undang pindaan adalah dikemukakan iaitu Rang Undang-undang mengenai Ordinan Pekerjaan dan Ordinan Pampasan Pekerja. Oleh kerana perkara ini telah berjalan dengan memuaskan maka tidak perlulah ditubuhkan sebuah lagi jawatankuasa tertinggi untuk mengkaji perkara ini.

PIL PERANCANG KELUARGA

24. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar, bahawa pil-pil perancang keluarga digunakan juga oleh gadis-gadis dan janda-janda bagi tujuan-tujuan yang tak sihat dan jika ya apakah langkah-langkah yang akan diambil mengenai perkara ini.

Perdana Menteri: Saya tidak sedar bahawa pil-pil perancang keluarga digunakan oleh gadis-gadis dan janda-janda bagi tujuan yang tidak sihat.

Mengikut dasar dan amalan Lembaga Perancang Keluarga Negara, pil-pil perancang keluarga hanya dibekalkan kepada penerima-penerima wanita sahaja yang telah berkahwin dengan persetujuan suaminya. Gadis-gadis dan mereka yang tidak berkelamin tidak layak mendapati bekalan apa jua jenis kontraseptif termasuk pil dari mana-mana kelinik Lembaga Perancang Keluarga Negara, agensi-agensi yang bergabung dengan Lembaga tersebut seperti Klinik-klinik Kementerian Kesihatan, Persekutuan Persatuan Perancang Keluarga dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, tiada pula didapati apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa gadis-gadis dan janda-janda memperoleh pil-pil perancang keluarga di luar program Lembaga Perancang Keluarga Negara. Oleh yang demikian tiada apa-apa tindakan yang boleh diambil di atas perkara ini. Dalam perkara ini suka juga saya jelaskan bahawa pil-pil sedemikian kadang-kala ditentukan penggunaannya oleh doktor-doktor untuk rawatan pesakit-pesakit mereka.

JEJAMBAT BARU (OVERHEAD BRIDGE)

25. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah beliau bercadang untuk memperbesarkan jambatan atas kepala (overhead bridge) Keretapi Tanah Melayu yang terdapat di lebuh raya Ipoh/Pulau Pinang di Kantan dan Salak Utara.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat satu simpangan jalan yang baru termasuk pembinaan dua jejambat baru telahpun dicadangkan untuk dibina bagi menggantikan

jambatan atas kepala di Kantan dan setakat ini belum ada cadangan untuk memperbaiki jambatan atas kepala di Salak Utara memandangkan keadaan lalu-lintas di situ adalah memuaskan dengan adanya lampu-lampu isyarat yang dipasang pada jejambat itu.

PENDERMA-PENDERMA DARAH

26. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa menderma darah itu adalah suatu pengorbanan yang tidak ternilai harganya dan ini amatlah dihargai oleh pesakit-pesakit yang benar-benar memerlukan darah, adakah Kementerian ini sedar bahawa penderma-penderma darah tidak dilayan dengan

(a) menderma 15 kali dan kurang

(b) menderma 16 hingga 40 kali

(c) menderma 41 kali dan lebih

Di samping itu, Kementerian saya sedang mengkaji cadangan untuk memperakukan mereka yang selalu menderma darah untuk dikurniakan Darjah-darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri.

TEKSI/KERETA SEWA/LORI/BAS— PERMIT

27. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan dari sememjak beliau dilantik menjadi seorang Menteri selepas pilihanraya umum tahun 1974:

(a) jumlah bilangan permit teksi/kereta sewa, lori kelas "A" dan "C" dan bas yang telah dikeluarkan kepada (i) bumiputra dan (ii) bukan bumiputra sehingga sekarang; dan

(b) adakah beliau sedar bahawa beberapa buah permit seperti yang tersebut di atas telah diberikan kepada Bumiputra telah di Ali-Babakan, dan jika ya, apakah tindakan-tindakannya yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

sewajarnya misalnya, mereka hanya diberi rawatan perubatan percuma di hospital selama empat bulan sahaja. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi rawatan perubatan percuma selama seumur hidup kepada mereka.

Tan Sri Lee Siok Yew: Keistimewaan-keistimewaan yang diberi kepada penderma-penderma darah adalah sebagaimana yang diterangkan di bawah seksyen 16, Ordinan Bayaran, 1951—Perintah Bayaran (Perubatan), 1976, yang berbunyi seperti berikut:

"16. Seseorang yang telah menderma darah kepada mana-mana tabung darah sesuatu hospital adalah berhak mendapat kecualian-kecualian berikut:

Kecualian sepenuhnya daripada caj-caj rawatan dan caj-caj wad dalam wad kelas dua dalam tempoh 4 bulan selepas menderma kali terakhir dan rawatan pesakit luar percuma dalam tempoh yang sama;

Kecualian sepenuhnya daripada caj-caj rawatan dan caj-caj wad dalam kelas dua dalam tempoh 4 bulan selepas menderma kali terakhir dan selepas itu setengah daripada caj-caj wad dalam wad kelas dua dan rawatan pesakit luar percuma dalam tempoh 3 tahun selepas menderma kali terakhir;

Kecualian sepenuhnya daripada caj-caj rawatan dan caj-caj wad dalam wad kelas dua dan rawatan pesakit luar percuma pada bila-bila masa".

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

(a) Jumlah bilangan permit-permit pengangkutan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian saya kepada Bumiputra dan bukan Bumiputra adalah seperti berikut:

		Bukan		
		Bumiputra	Bumiputra	Campuran
Teksi/Kereta Sewa	6,353	2,831		734
Lori Kelas "A" (termasuk "A" terhad)	3,287	3,543		892
Lori Kelas "C" ...	3,159	43,826		649
Syarikat Bas ...	55	40		86

Angka-angka ini ialah angka-angka sehingga 31-12-1975.

PEPERIKSAAN H.S.C./M.C.E./L.C.E. PENGANTAR TIONGHUA/TAMIL

28. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang mengadakan peperiksaan H.S.C., M.C.E. dan L.C.E dengan menggunakan

bahasa Tionghua dan Tamil sebagai bahasa pengantar supaya memberi kesaksamaan kepada pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan mereka di dalam bahasa-bahasa tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Peperiksaan H.S.C., M.C.E. dan L.C.E. melalui bahasa pengantar Tionghua dan Tamil oleh kerana ini adalah bertentangan dengan dasar pelajaran kebangsaan. Bagaimanapun, mata-pelajaran-matapelajaran Bahasa/Sastera Tionghua dan Tamil memang sedia ada dalam peperiksaan-peperiksaan tersebut.

ROLLS-ROYCE TUN DATU MUSTAPHA

29. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan samada benar atau tidak bekas Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Mustapha, telah membawa masuk sebuah kereta Rolls-Royce ke negeri Sabah tanpa membayar cukai pada awal tahun dahulu; jika ya, nyatakan mengapa pihak kastam gagal mengenakan cukai ke atas kereta tersebut dan nyatakan tindakan yang telah diambil terhadap pegawai/pegawai-pegawai yang berkenaan kerana kecuaiannya tanggungjawab yang amat sangat dan juga nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mendapatkan cukai yang patut dibayar itu daripada tuan punya kereta Rolls-Royce itu.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Perkara ini tidak berbangkit lagi. Ianya telah selesai kerana cukai telah dibayar.

NASIHAT QUEEN'S COUNSEL TERHADAP DATUK HARUN IDRIS

30. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Undang-undang menyatakan samada benar atau tidak pihak kamar Peguam Negara telah meminta nasihat Queen's Counsel terhadap kes rasuah Datuk Harun Idris; jika ya, nyatakan mengapa permintaan nasihat itu perlu dan jumlah wang yang dikenakan sebagai yuran perunding.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Soalan ini sudah pun dijawab dengan sepenuhnya dalam mesyuarat Parlimen yang lalu. Yang demikian, soalan ini tidak seharusnya diterima dan dijawab.

Jika jawapan masih juga dikehendaki diberi, saya suka rujukkan Ahli Yang Berhormat kepada jawapan yang telah saya beri dalam mesyuarat Parlimen yang telah lalu iaitu perbincangan dengan Queen's Counsel adalah dibuat dengan sebab ada kemungkinan bahawa kes ini akan sampai kepada Privy Council dan akan diuruskan pula oleh Queen's Counsel itu. Pembayaran perundingan dengan Queen's Counsel tersebut ialah sebanyak £1,084.97d.

PEJABAT-PEJABAT KECIL DI WILAYAH PERSEKUTUAN

31. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Dewan Bandaraya akan menubuhkan banyak lagi pejabat-pejabat kecil, seperti yang telah ditubuhkan baru-baru ini di Kampung Baru Jinjang, Kuala Lumpur, di sekitar Wilayah Persekutuan untuk kemudahan rakyat.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan Bandaraya memang bercadang untuk menubuhkan lebih banyak lagi pejabat-pejabat kecil di Wilayah Persekutuan seperti yang telah ditubuhkan baru-baru ini di Kampung Baru Jinjang.

Masa ini Dewan Bandaraya sedang mencari tapak-tapak yang sesuai untuk tujuan tersebut.

RANCANGAN SAWIT FELDA

32. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sejauh manakah keadaan maksiat yang khabarnya sedang bersarang dalam setengah-setengah ladang kelapa sawit FELDA. Adakah rancangan mencegahnya hanya berupa tangkapan sahaja atau melalui cara lain dan apa dia?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tidaklah benar bahawa perbuatan maksiat bersarang di setengah-setengah rancangan sawit FELDA. Rancangan-rancangan FELDA adalah juga masyarakat luar bandar dan apa-apa yang berlaku di kawasan luar bandar pernah juga berlaku di rancangan-rancangan FELDA. Biasanya apa yang

berlaku di rancangan-rancangan FELDA adalah mendapat pandangan istimewa dan kadang-kadang diperbesar-besarkan. Melalui Program Pembangunan Penerokanya FELDA mengadakan kempen dan aktiviti-aktiviti yang boleh menjauhkan masyarakat-masyarakat rancangan daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir buruk itu. Setakat ini kemajuan yang diperolehi bolehlah dikatakan sangat memuaskan.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

33. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menerangkan berapa yunit rumah daripada Rancangan Perumahan Awam yang telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua telah dilaksanakan di dalam Negeri-negeri di seluruh Malaysia dan nyatakan sebab-sebab maka adanya rumah-rumah yang telah diluluskan untuk diperlaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua tetapi gagal atau tidak dapat dibina.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sum): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat 13,244 yunit rumah awam kos rendah yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua telah siap dibina di negeri-negeri di seluruh Malaysia. Jumlah ini merupakan kira-kira 50% daripada matlamat 26,241 yunit rumah kos rendah yang dijangka dapat dibina dalam tempoh Rancangan tersebut.

Saya suka menegaskan di sini iaitu tiga faktor penting telah menyebabkan sebilangan daripada projek perumahan awam kos rendah yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua itu tidak dapat dilaksanakan. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

- (a) ada beberapa projek perumahan tersebut itu dicadangkan dibina di atas tanah milik kerana ketiadaan tanah Kerajaan yang sesuai. Masalah telah timbul bagi Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil balik tanah-tanah tersebut untuk tapak projek-projek berkenaan dan proses pengambilan balik ini, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, mengambil masa yang agak lama. Ini secara tidak langsung telah melewati pelaksanaan projek-projek berkenaan itu;

- (b) keadaan inflasi/stagflasi disebabkan oleh kepincangan ekonomi dunia (world economic disorder) yang telah melanda Malaysia dari kira-kira tahun 1972 ia itu pada tahun kedua Rancangan tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan harga bahan-bahan binaan melambung tinggi sehinggakan pihak-pihak Kerajaan Negeri telah terpaksa meminta peruntukan wang pinjaman tambahan daripada Kerajaan Pusat atau mengkaji semula projek-projek mereka. Di samping itu pula ada di antara projek-projek yang telah ditawarkan kerjanya kepada pemborong-pemborong telah terjejas dan tidak dapat disiapkan dalam masa yang dijadualkan dalam kontrak; dan

- (c) ada di antara jentera pelaksanaan dan pengawasan Kerajaan bagi projek-projek perumahan awam di peringkat Negeri dan juga diperingkat Pusat telah menghadapi kesulitan tenaga kerja profesional dan teknikal kerana penarikan tenaga kerja itu oleh pihak swasta (terutama dalam masa "boom" dahulu) dan akibat "pembekuan" jawatan-jawatan dalam masa kira-kira 1½ setengah tahun) yang berlaku di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua.

JAWATANKUASA KABINET MENGKAJI PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN

34. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran telah menyiapkan laporannya dan samada perbincangan-perbincangan telah diadakan bersabit dengan laporan tersebut;
- (b) bilangan memorandam yang telah diterima oleh Jawatankuasa tersebut setakat ini untuk kajiannya; dan
- (c) tujuan-tujuan utama Jawatankuasa tersebut dan syarat-syarat rujukannya.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Laporan Jawatankuasa ini sedang disediakan. Oleh itu perbincangan di atasnya belum diadakan.
- (b) Kesemuanya sebanyak 302 memorandum telah diterima.

- (c) (i) Bidang tugas Jawatankuasa ini ialah mengkaji semula matlamat dan kekesan sistem pelajaran sekarang, termasuk kurikulumnya, dalam rangka dasar pelajaran yang ujud, dengan tujuan untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi sama ada dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang dan lebih-lebih lagi, untuk memastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara kearah melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih.
- (ii) Matlamat utama kajian ini ditumpukan kepada persoalan tenaga rakyat dan perpaduan kaum.

LAPANGANTERBANG SUBANG— KEBERSIHAN

35. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Lapanganterbang kita keadaannya kotor terutama sekali tingkat basement. Apakah tindakan yang diambil untuk mengawal kebersihan kawasan Lapanganterbang Subang;
- (b) samada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja di Lapanganterbang Subang terutamanya sekali "Traffic Hands" tidak mempunyai tempat berihat dan tempat duduk yang sempurna, kerap kali didapati mereka menumpang duduk di atas tembok atau di tepi-tepi tangga Lapanganterbang di bangunan bawah. Tidakkah ada tempat duduk atau riha yang tertentu untuk pekerja-pekerja itu supaya dapat berihat waktu tidak ada kerja; dan
- (c) nyatakan bilakah rancangan untuk membesarkan Lapanganterbang Subang hendak dimulakan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Kementerian ini telahpun mengambil tindakan mengawal kebersihan Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur. Mulai bulan Mei tahun ini Kontrektor baru telah mengambil alih membersihkan kawasan Lapanganterbang yang berkenaan dan

adalah didapati keadaan kebersihan termasuk tingkat basement semakin memuaskan.

- (b) Pada masa ini pekerja-pekerja Terafik Hand MAS mempunyai tempat berihat yang terletak di bawah bangunan Lapanganterbang Subang. Tetapi bilik riha ini tidak mencukupi dan pihak MAS tidak dapat berbuat apa-apa sehingga bangunan terminal di perbesarkan sebagaimana yang dicadangkan oleh Kerajaan.
- (c) Pelan untuk rancangan pembesaran Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur telahpun disediakan oleh Perunding tetapi oleh kerana masaalah-masaalah teknikal perunding tersebut telah menggantungkan kerjanya sehinggalah masaalah itu dapat diselesaikan. Adalah tidak mungkin untuk menyatakan sekarang bilakah kerja-kerja tersebut akan disambung semula.

GETAH ASLI DIJUAL KE CHINA

36. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan semenjak dilaksanakan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China, adakah bertambahnya perjualan getah cara terus-menerus dengan Negara itu dan nyatakan berlebihan penjualan yang dibuat sekarang berbanding dengan masa sebelum adanya perhubungan diplomatik dengan negara itu.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Suatu perkara yang mustahak yang perlu diingatkan mengenai perdagangan di antara Republik Rakyat China dengan Malaysia ialah bahawa pembelian getah asli oleh negara tersebut dari negara kita telah dibuat sejak sebelum terjalinnya hubungan diplomatik di antara negara-negara ini. Oleh yang demikian perbandingan tidak boleh dibuat mengenai pembelian getah asli sebelum dan sesudah tertubuhnya hubungan diplomatik di antara dua buah negara ini.

Negara China membeli getah asli dari Malaysia melalui suatu Syarikatnya iaitu China Resources Company yang terletak di Hongkong, dan syarikat ini pula membeli dari agen-ajennya di Pasaran Malaysia. Dalam satu ertikata, pembelian secara ini ialah pembelian secara terus-menerus daripada negara ini. Pembelian yang dibuat oleh

negara China tertakluk kepada keperluan pengguna-pengguna di Republik itu, dan parasnya berbeza dari masa ke masa dan dari tahun ke tahun. Tetapi, dengan terjalinya hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara ini, lebih lagi dengan kejayaan yang telah tercapai oleh Rombongan Perdagangan Getah Malaysia pada tahun 1975, maka Republik tersebut sedang mengkaji dan meneliti semula peraturan-peraturan perniagaannya dan untuk menubuhkan satu yunit pembelian getah di Bahagian Perdagangan Kedutaan China di Kuala Lumpur.

Di sini, adalah sukar untuk menyatakan berapa banyakkah getah yang telah dibeli oleh negara China oleh kerana pembelian yang dibuat adalah dengan cara terus-menerus dari peniaga-peniaga dan pembekal-pembekal getah di Malaysia. Selepas negara China memahami dengan lebih mendalam mengenai sistem indastri getah di Malaysia dan juga kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan oleh Pasaran Getah Malaysia, ianya telahpun membeli lebih lagi getah daripada Pasaran ini, yakin ianya membeli sebanyak lebih kurang 40,000 tan selepas tamat lawatan Rombongan Perdagangan Getah Malaysia pada tahun 1975, pembelian yang mana dibuat dalam masa beberapa bulan.

Butir-butir perangkaan mengenai penjualan getah asli oleh Malaysia ke Negara China menunjukkan bahawa negara China telah membeli sebanyak 224,033 metric tan dalam masa lebih kurang dua tahun selepas hubungan diplomatik, dan sebanyak 169,560 metric tan dalam masa lebih kurang dua tahun selepas hubungan diplomatik tersebut. Ini tidaklah bermakna yang perdagangan getah di antara Malaysia dan negara China telah mundur, tetapi pembelian getah telah berkurangan dalam satu dua tahun ini oleh kerana pada tahun-tahun yang lampau, negara China telahpun membeli lebih banyak getah dari jumlah yang diperlui oleh pengguna-penggunanya. Oleh yang demikian, pada tahun-tahun ini, ianya telah mengguna getah-getah yang disimpan dalam stoknya. Apa yang ternyata di sini ialah negara China akan membeli lebih lagi getah dari Malaysia, dan telahpun menyatakan hasrat tersebut, tetapi pembelian tersebut akan berasaskan pada keperluan-keperluan penggunaanya dari semasa ke semasa. Sebagai bukti yang negara China ingin membeli lebih lagi getah, ianya sedang menimbangakan dengan positifnya

perkara penubuhan yunit pembelian getah di Bahagian Perdagangan Kedutaan China di Kuala Lumpur.

PENGUMUMAN YANG DI PERTUA

BUKU YANG DIHARAMKAN— AHLI DARI PETALING

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum daripada kita sambung urusan mesyuarat kita yang ada di hadapan kita dalam senarai Aturan Mesyuarat, saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Petaling ada hadir pada hari ini. Pada hari Selasa yang lepas Ahli Yang Berhormat dari Petaling tidak hadir di mana saya ada membuat teguran bersangkutan dengan satu pertanyaan Ahli Yang Berhormat bawa pada hari Isnin yang lepas meminta supaya Kerajaan timbang menghalalkan satu buku yang telah diharamkan. Waktu saya membuat teguran pada hari Selasa yang lepas, saya mengatakan bahawa telah ditarik pandangan saya oleh beberapa orang Ahli dalam Dewan ini bahawa Ahli Yang Berhormat telah mempamir, menunjukkan buku yang diharamkan itu. Ahli Yang Berhormat sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat sepatutnya tahu apa yang diharamkan itu tidak patut memiliki, tidak patut dibawa; hendak baca secara sulit di rumah itu hal lain.

Saya cadangkan kalau Ahli Yang Berhormat bersetuju sebagai satu timbangan yang khas, saya hendak meminta Ahli Yang Berhormat minta maaf kepada Dewan ini kerana kesilapan membawa buku itu ke dalam Dewan ini sahaja. Jikalau Ahli Yang Berhormat tidak bersedia terpaksa kita kena lanjutkan lagi kepada satu cara aturan yang lebih lanjut. Saya minta keterangan daripada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya memberi penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, saya bersedia mendengar penjelasan.

Tuan Oh Keng Seng: Sebenarnya, saya tidak tunjuk buku "The Malay Dilemma" oleh Dr Mahathir. Yang sebenarnya, saya tunjuk tudung buku sahaja. Ini saya boleh bersumpah—tudung buku sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Habis, setakat itu sahaja? Sila duduk dahulu! Saya telah dimaklumkan oleh seorang Menteri Kerajaan

bahawa selepas daripada Soal-Jawab, Ahli Yang Berhormat sendiri telah menunjukkan kepada Yang Berhormat Menteri itu, bukan kata kulit buku itu sahaja, tetapi isi buku itu. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat hendak mendalihkan tunjuk bawa kulit sahaja pun tidak boleh juga. Kita tidak hendak memanjangkan perkara ini, saya hendak memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat meminta maaf sahaja, jikalau tidak, saya terpaksa meminta Jawatankuasa Hak dan Kebebasan membawa usul setelah diputuskan oleh Dewan ini samada Dewan ini hendak siasat dengan sepenuhnya bagaimanakah hal keadaannya buku itu telah dapat ke tangan Ahli Yang Berhormat ataupun tidak. Jikalau Ahli Yang Berhormat meminta maaf sahaja, bagi pihak saya akan diam-diam setakat itu sahaja.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, saya suka memberitahu iaitu selepas mesyuarat hari itu ada 4 orang pegawai dari Cawangan Khas

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah, saya tahu semua cerita itu.

Tuan Oh Keng Seng: Dan saya tunjuk jacket itu kepada

Tuan Yang di-Pertua: Ya, waktu tunjuk kepada Pegawai Cawangan Khas isinya lain, dan waktu tunjuk kepada Menteri isinya isi buku itulah. Saya tidak hendak panjangkan perkara ini.

Tuan Oh Keng Seng: Saya boleh bersumpah bahawa saya tidak mempunyai buku

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak bertanya, adakah Ahli Yang Berhormat bersedia hendak meminta maaf kepada Dewan ini sahaja. Itu sahaja dijawab—bersedia atau tidak?

Tuan Oh Keng Seng: Saya tidak bersedia.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau tidak bersedia—saya minta pihak Kerajaan menimbangkan membawa satu usul kepada Dewan ini dengan tujuan menyiasat dengan halusinya bagaimanakah buku itu telah sampai ke tangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling, dan membawakan report ini kepada Dewan ini. Jikalau sekiranya Dewan ini

bersetuju supaya usul itu dibuat, tidak payah dibuat sekarang ini juga, kemudian boleh dibuat, tidak apa.

Sekarang kita jalankan urusan kita perkara yang akan disambung.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1974 DAN 1976)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL. 4) 1974)

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (7hb Julai, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat waktu Dewan ini hampir tamat perbahasan pada petang semalam sebelum daripada ditangguhkan oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua di mana Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua telah membuat ketetapan bahawa bila kita sambung perbahasan kita pada hari ini dalam Jawatankuasa, maka Yang Berhormat Menteri yang bersangkutan dengan Kementerian ini akan dijemput menjawabnya.

Sekarang saya dengan sukacitanya menjemput Menteri yang berkenaan menjawab berkenaan dengan perkara Kepala B. 64 dan B. 65 di bawah Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Dipersilakan.

*Kepala B. 64 dan B. 65 (Jadual Kedua)—
3.37 ptg.*

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Kerja Raya dan

Kemudahan-kemudahan Awam, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan tentang peruntukan yang diminta oleh Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dalam ucapannya telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sekeliling Bayan Lepas akibat projek pembesaran lapangan terbang. Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sekarang merancang menggunakan Jalan Permatang Damar Laut sebagai jalan ganti untuk kegunaan penduduk-penduduk di Batu Maung yang telah terlibat dalam projek pembesaran airport ini. Jadi Jalan Permatang Damar Laut ini akan diperbesarkan oleh Kerajaan Malaysia.

Sementara itu Jabatan Parit dan Talian Negeri telahpun memperbaiki satu jalan kecil (earth bund) yang selari dengan Jalan Batu Maung itu. Jalan kecil ini telah diperelokkan untuk kegunaan penunggang-penunggang basikal dan motosikal.

Berhubung dengan pemindahan secara paksa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar oleh kerana penduduk-penduduk yang terlibat telah diberi notis lebih kurang satu tahun sebelum mereka dipindahkan. Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab di dalam soal jalanraya ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang ada membangkitkan dua perkara. Mengenai Dewan Tangkak saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa ianya adalah suatu projek Kerajaan Negeri Johor. Saya difahamkan memang benar terdapat sedikit kurang sefahaman di antara pemborong dengan Akitek Perunding yang berkenaan itu. Walau bagaimanapun, saya diberitahu bahawa masalah ini telah diselesaikan dan kerja-kerja pembinaan Dewan tersebut dimulakan semula.

Berkenaan dengan perkara dua, projek jambatan di Sawa Rim, Bukit Gambir, Muar, saya ingin memberitahu juga bahawa ianya adalah sebuah projek Kerajaan Negeri Johor dan saya telah diberitahu bahawa tawaran telahpun dipanggil semula pada awal tahun ini dan mengikut jadual yang baru projek ini akan siap pada awal tahun 1977.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala B. 64 dan \$85,440 untuk Kepala B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 66 (Jadual Kedua)—

3.41 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan supaya peruntukan di bawah Kepala B. 66 Pecahan-kepala 1100 Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1976 sebanyak \$10 bagi tambahan kepada gaji dan upahan diluluskan.

Tambahan sebanyak \$10 ini adalah sebenarnya peruntukan tanda bagi kepala perbelanjaan tersebut. Sebagaimana Dewan ini sedia maklum bahawa berikutan dengan penyusunan semula portfolio-potfolio Kementerian pada 5hb Mac, 1976, tajuk Kementerian Tanah dan Galian telah ditukarkan sebagai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan adanya peruntukan tambahan ini pindaan kepada Jadual Akta Perbekalan, 1976 dapat dilaksanakan. Butir-butir lanjut mengenai perkara ini adalah tercatat dalam Kertas Perintah 18 dan 19 Tahun 1976.

Saya mohon mencadangkan supaya peruntukan belanja mengurus tambahan sebanyak \$10 ini diluluskan.

3.43 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, sungguhpun peruntukan tambahan yang dikehendaki di bawah Kepala B. 66 Pecahan-kepala 1100 \$10, tetapi ini adalah mustahak kerana tanpa tambahan itu maka Jadual Akta sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak dapat dilaksanakan. Saya menyokong dan di samping itu saya hendak membuat beberapa teguran supaya dapat Kementerian yang berkenaan memperbaiki keadaan Kementerian itu untuk kebaikan orang ramai khasnya bumiputra.

Tuan Pengerusi, pada masa ini ada didapati bahawa tanah-tanah yang berhampiran dengan ladang-ladang getah dan juga ladang-ladang kelapa sawit apabila hendak dimajukan keutamaan diberi kepada ladang-ladang getah dan kelapa sawit yang berhampiran. Saya fikir cara ini sangatlah merugikan kita kerana kebanyakan daripada ladang-ladang getah dan kelapa sawit itu dipunyai oleh syarikat-syarikat asing. Saya minta perhatian berat diambil supaya kalau ada tanah-tanah Kerajaan adjoining ladang-ladang yang saya maksudkan itu maka hendaklah diberi kepada syarikat-syarikat tempatan khasnya kepada bumiputra.

Yang kedua, tuan punya tanah di luar bandar banyak yang tidak ada di negara ini. Misalannya dia sudah pergi ke Indonesia ataupun pergi ke Thailand, maka tanahnya yang seluas 4-5 ekar tinggal begitu sahaja, tindakan-tindakan tidak diambil oleh Kerajaan Negeri ataupun Kementerian untuk tanah itu diberi kepada orang lain. Dengan sebab itu, perkara-perkara absentee landlord di luar-luar bandar ini hendaklah diambil berat supaya kekurangan tanah yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk luar bandar itu dengan tanah yang tidak bertuan itu dapat diberi kepada orang-orang yang benar-benar berkehendakkan tanah.

Saya suka juga membawa perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada perkara-perkara restructure berkenaan dengan equity ataupun kepunyaan ladang-ladang getah dan ladang-ladang kelapa sawit ini yang tidak sejajar dengan dasar Kerajaan. Apa yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi, ialah dasar Kerajaan supaya 30% daripada perekonomian ataupun kepunyaan hak milik saham-saham dan sebagainya dalam tempoh yang tertentu dapat dipunyai oleh bumiputra. Selain daripada itu juga, dasar Kerajaan supaya saham-saham yang dimiliki oleh syarikat-syarikat asing ini dapat sejumlah besar dimiliki oleh warganegara Malaysia. Tetapi sesudah berapa lama dasar ini dijalankan syarikat-syarikat yang besar seperti Dunlop, Socfin tidak hendak mematuhi dan mengikuti dasar ini, syer kita bagaimana dahulu begitu juga sekarang. Dengan sebab itu, Kerajaan hendaklah juga mengambil tahu supaya syarikat-syarikat ini mengadakan satu program supaya disinvestment dapat dijalankan supaya beransur-ansur daripada tahun demi setahun kita boleh lihat susutnya investment ataupun hak

milik equity daripada seberang laut itu ditukarkan kepada warganegara.

Saya juga percaya barangkali Kementerian sedar bahawa banyak tanah-tanah ataupun hutan-hutan sebenarnya yang hendak di-develop tergendala kerana lesen membalak itu diberi kepada pembalak-pembalak yang hanya mementingkan untuk mengextract kayu-kayu balak itu tetapi dia tidak mengambil peduli bahawa Kerajaan hendak memulakan pembukaan tanah itu untuk sesuatu projek, katalah pada bulan Januari misalnya, tetapi lesen itu telah diberi pada masa yang panjang. Jadi, bila lesen itu begitu lama dan Kerajaan hendak memulakan rancangannya pada bulan Januari (ini satu contoh sahaja) maka telah tergendala. Dengan sebab itu, Kerajaan hendaklah memberi lesen-lesen membalak di hutan-hutan ataupun di kawasan-kawasan yang hendak di-develop itu kepada orang yang hendak mendevelop itu. Kalau orang yang hendak mendevelop itu RISDA, beri kepada RISDA.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, teguran saya agar harapan penuh dapat dasar-dasar ini dilaksanakan oleh Kementerian berkenaan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Tolong tumpukan hanya kepada perkara detail sahaja, bukan soal dasar lagi.

4.39 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong token \$10 kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini dan saya menyentuh berkenaan dengan Perkhidmatan Awam iaitu bagi pegawai-pegawai di Pejabat Tanah. Problem di Pejabat Tanah ini di mana-mana pun semua orang tahu iaitu sangat besar problemnya, banyak masaalah-masaalah orang ramai, masaalah-masaalah tuan-tuan punya tanah tidak dapat diselesaikan hingga bertahun-tahun, kadangkala rekod-rekodnya pun tidak dapat dicari ataupun tidak disimpan dengan betul.

Saya suka memberikan perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya satu penyusunan dan satu cara yang benar-benar teratur kepada pejabat-pejabat tanah ini supaya kerja-kerja yang boleh menyenangkan dan memberikan puashati terutama kepada orang-orang miskin supaya masaalah tanah dapat diselesaikan.

Dari pandangan dan pengalaman saya yang sudah-sudah, saya dapati pegawai-pegawai tanah ini selalu ditukarkan dan didatangkan pula daripada pegawai-pegawai yang kurang pengalaman dalam hal-hal tanah. Umpamanya, kalau ditukarkan satu pegawai yang khususnya mahir berkenaan dengan masalah tanah ini ke Ibupejabat, didatangkan pula seorang pegawai yang muda atau yang lain umpamanya daripada Pejabat Talikom dan sebagainya untuk bekerja di pejabat tanah. Mereka ini teragugu begitu sahaja tidak dapat menjalankan tugasnya dengan sepatutnya. Dari pandangan saya ada baiknya Kementerian ini memperbetulkan, khasnya benar-benar pejabat tanah dengan pegawai-pegawai yang boleh bertugas sekurang-kurangnya 5 tahun supaya masalah di dalam daerah itu mereka dapat tahu dengan secara detail betul-betul. Saya rasa dengan cara ini maka masalah kerumitan yang ada sehingga pada hari ini khususnya di tempat saya di Kuala Selangor, di Sabak Bernam akan dapat diatasi segera. Kerajaan Negeri bermurah hati menghantar Task Force bekerja overtime tetapi masalaahnya pun belum selesai lagi. Jadi inilah yang selalu disungutkan oleh orang ramai dan tanah sawah padi yang lama 20 tahun sampai kini belum lagi mendapat titlenya masih dalam TOL dan tenannya pun tak tahu siapa dia. Itulah keadaannya dan eloklah diperbanyakkan pegawai-pegawai yang benar-benar mahir dan bagi pegawai-pegawai baru sebelum mula bertugas patut benarlah diberi pengalaman dan pengetahuan yang cekap dan mahir supaya kerja-kerja itu dapat di-bereskan.

3.54 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan juga dari Tanjong Karang atas teguran-teguran yang membina. Mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor, suka-lah saya menyatakan sekali lagi bahawa soal pemberian tanah ataupun bidang kuasa mengenai tanah adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan pihak Kerajaan Pusat atau Kementerian ini tidaklah berkuasa hendak mengalienate tanah kepada sesiapa jua pun. Hanya saya dapat menyatakan bahawa teguran-teguran beliau yang membina itu Kementerian ini akan ambil perhatian dan

mengemukakan perkara ini kepada pihak Kerajaan Negeri dan mungkin di dalam National Land Council.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah menimbulkan masalah-masalah yang besar yang dihadapi oleh Pejabat-pejabat Tanah seluruh negara kita terutama sekali mengenai penyimpanan rekod dan penukaran pegawai-pegawai di beberapa jabatan lain. Saya mengakui bahawa perkara ini adalah benar kerana itulah bahawa pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mengadakan satu Special Task Force untuk mengkaji perkara ini dan Task Force ini terdiri daripada pegawai-pegawai Treasury dan Jabatan Perdana Menteri telah pergi ke beberapa negeri dan membuat beberapa rekomendasi supaya pentadbiran tanah ini dirupakan sebagai suatu specialisation. Ini telah diterima oleh beberapa Kerajaan Negeri dan sekarang pihak Kementerian sedang menu-buhkan satu secretaria untuk mengesahkan recommendation ini supaya ianya dapat di-jalankan dengan tujuan supaya pentadbiran tanah ini dapat dijalankan dengan lebih productive, effective dan licin.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$29,707,655 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan, 1974 dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1976, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$29,707,655 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan, 1974 dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1976, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$29,707,655 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan, 1974 dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di

ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1976, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

**RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULANWANG DISATUKAN
(PERBELANJAAN MASUK AKAUN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun perkhidmatan yang berakhir pada tiga puluh satu hari bulan Disember, 1977" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mendapatkan kebenaran sementara bagi perbelanjaan Kerajaan bagi beberapa bulan pada awal tahun 1977 sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1977 diluluskan oleh kedua-dua Dewan dan mendapat Persetujuan Di-Raja pada tahun hadapan. Rang Undang-undang ini yang menurut Perkara 102 (a) Perlembagaan, bertujuan membenarkan pengeluaran wang sebanyak \$1,113,459,020 daripada Kumpulanwang Disatukan yang dianggarkan mustahak bagi perkhidmatan Kerajaan untuk tempoh tiga bulan yang pertama dalam tahun 1977.

Jadual kepada Rang Undang-undang ini menyediakan peruntukan-peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu untuk tempoh tersebut tetapi tidak termasuk Kepala Bekalan 56—Penerbangan Awam dan Kepala Bekalan 62—Jabatan Talikom yang mana akan dibiayai oleh sumber Jabatan masing-masing mengikut Bahagian IIIA Akta Penerbangan Awam (Pindaan), 1975 dan Bahagian IIA Akta Talikom (Pindaan), 1972.

Perbelanjaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini tidak termasuk perbelanjaan tanggungan yang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum tidak dikehendaki diluluskan oleh Rang Undang-undang Perbekalan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.02 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan pada hari ini saya suka juga mengambil sedikit bahagian walaupun saya sendiri rasa amat dukacita dengan sebab Rang Undang-undang ini pun kita dapat tahu akan dibawa pada hari ini dan juga baharu kita mendapat Rang Undang-undang yang hendak dikemukakan ini. Jadi saya rasa tidaklah dapat kesempatan yang banyak kepada Ahli-ahli Dewan ini untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai peruntukan yang diminta yang begitu besar jumlahnya. Walau bagaimanapun, saya suka juga menyentuh mengenai Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan yang tercatat di sini iaitu Kepala B. 15.

Walaupun saya sedar bahawa baharu sekejap sahaja Dewan yang mulia ini telah meluluskan peruntukan Kementerian ini bagi memajukan ataupun bagi peruntukan pinjaman perumahan di bawah Kementerian ini, saya hanya suka merayu kepada Kementerian ini bahawa peruntukan-peruntukan ataupun pada dasarnya yang akan dibuat oleh Kementerian ini pada masa-masa yang akan datang supaya membolehkan penduduk-penduduk di luar bandar bukan terhad kepada penduduk-penduduk di sekitar perkilangan sahaja tetapi dibolehkan juga kepada penduduk-penduduk di luar bandar termasuk kaum-kaum nelayan, penoreh-penoreh getah yang berkemampuan bagi membayar balik pinjaman perumahan itu juga diperuntukan di bawah rancangan Kementerian ini. Sebab, kalau tidak silap fahaman saya peruntukan yang telah diperuntukkan itu adalah untuk diberi kemudahan kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan kecil yang disekitar pembangunan ataupun di sekitar perindustrian sahaja. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya menyedari bahawa masalah perumahan ini bukan sahaja menjadi kesusahan kepada penduduk-penduduk di dalam bandar ataupun kepada orang-orang yang berdekatan dengan kilang-kilang sahaja tetapi banyak juga penduduk-pen-

duduk di luar bandar yang mempunyai tanah tetapi tidak dapat membuat rumah sendiri oleh kerana pada masa sekarang ini lebih-lebih lagi pada masa sekarang ini keadaan-keadaan yang tertentu dengan harga kayu dan alat-alat yang mahal tidak dapat mereka itu mendirikan rumah. Dan walaupun mereka itu mempunyai tanah sendiri banyak daripada penduduk-penduduk di negara kita ini yang masih menumpang di rumah-rumah keluarga ataupun masih tinggal di rumah-rumah yang tidak menasabah mengikut keadaan ataupun zaman kemajuan ini. Saya merayulah kepada Kementerian ini supaya memikirkan ataupun mengkaji semula syarat-syarat yang hendak dikenakan supaya penduduk-penduduk di luar bandar ini berkemampuan untuk menerima syarat-syarat yang akan dikenakan oleh Kementerian yang berkenaan dan dapat pula menjelaskan hutang-hutang yang akan diberi oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat berkenaan hendak membahaskan peruntukan tetapi mengikut peraturan-peraturan Dewan ini . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, saya faham. Saya hanya hendak menunggu sahaja Ahli Yang Berhormat ini bila dia hendak menghabiskan, nampaknya dekat hendak habis. Jadi biarlah, saya tahu. Sila sambung.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh Kepala B. 16 mengenai peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tadi bila Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan Rang Undang-undang ini telah dinyatakan sebagaimana dijelaskan di dalam huraian, ini hanya sebahagian daripada perbekalan perbelanjaan bermula daripada satu haribulan Januari sehingga tarikh Rang Undang-undang Perbekalan diluluskan nanti iaitu bila Dewan ini mengadakan Persidangan Budget. Saya fikir tadi ada sesuatu Yang Berhormat hendak menerangkan selain daripada berkenaan dasar dan lainnya, oleh itu saya tunggu juga tetapi nampaknya tidak

habis juga. Jadi, saya tarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kalau hendak membahaskan tidak bolehlah melanggar Peraturan Mesyuarat (Standing Orders) 68A (1) yang berbunyi: "Apabila dibacakan kali yang kedua sesuatu Rang Undang-undang yang dibawa ke dalam Majlis" iaitu sebagaimana yang sekarang ini, "bagi memberi kuasa membelanjakan wang bagi sebahagian daripada satu-satu tahun, perbincangan atas Rang Undang-undang ini tidak bolehlah termasuk perkara-perkara dasar dan tadbir Kerajaan atau tujuan-tujuan perbelanjaan itu."

Saya sebenarnya menunggu Yang Berhormat dari Ulu Nerus bila hendak berhenti. Saya hendak menerangkan perkara ini sebab sebagaimana juga Rang Undang-undang yang kita sudah luluskan dalam dua hari ini selalu perkara dasar dibawa dalam perkara Jawatankuasa dan perkara yang tidak berbangkit ini dibangkitkan tetapi saya tidak hendak mengganggu selalu sangat. Jadi, saya memberi perhatianlah kepada Ahli Yang Berhormat, kalau hendak berbincang ini janganlah membincangkan hal dasar dan tadbir Kerajaan atau tujuan perbelanjaan ini. Ini hanya sebahagian daripada perbelanjaan peruntukan dibincangkan di dalam Rang Undang-undang Perbekalan yang akan dikemukakan pada persidangan Budget nanti.

Ada lagikah yang hendak bercakap? Kalau tidak ada, Yang Berhormat Menteri dijemput menjawab.

4.10 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, dan seperti Tuan Yang di-Pertua menyatakan tadi walaupun Bil itu lambat sedikit dikemukakan, akan tetapi apabila Budget dibahaskan kelak pada masa akan datang iaitu di hujung tahun ini dapatlah peluang untuk membahaskan perkara-perkara dasar itu. Apa yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya sanggup akan memajukan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk perhatian. Sekian, terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PAMPASAN PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.13 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Akta Pampasan Pekerja (Pindaan), 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan utama bagi meminda Rang Undang-undang ini ialah untuk meluaskan bidang kuasa Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 dan menambahkan kadar pampasan yang dibayar di bawah Ordinan tersebut kepada pekerja-pekerja atau tanggungannya yang mengalami kecederaan pekerjaan. Bidang kuasa Ordinan ini dan kadar pampasannya tidak pernah dipinda sejak Ordinan tersebut berkuatkuasa pada tahun 1953. Dalam tempoh itu peringkat bayaran gaji dan pendapatan pekerja-pekerja telah meningkat dan oleh itu cadangan pindaan-pindaan ini adalah perlu sejajar dengan kenaikan tersebut.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sekim Insuran Kecederaan Pekerja-pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial, 1969 telah dikuatkuasakan pada 1-10-1971. Sekim SOCSO juga ada memperuntukkan bayaran faedah bagi kecederaan-kecederaan dan adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menggantikan Sekim Pampasan Pekerja di bawah Ordinan Pampasan Pekerja secara berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun, Sekim SOCSO hanya berkuatkuasa di kawasan-kawasan yang tertentu yang diwartakan, dan adalah terhad kepada Majikan-majikan yang

mempunyai 5 atau lebih pekerja-pekerja. Oleh yang demikian, Sekim SOCSO memerlukan masa bagi memperluaskan perlindungannya untuk meliputi semua pekerja-pekerja di seluruh negara serta menggantikan Ordinan Pampasan Pekerja-pekerja. Sementara itu pula adalah dianggarkan seramai satu perpuluhan lima juta pekerja terus diberi perlindungan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja ini.

Sebab-sebab utama kenaikan kadar pampasan ini seperti yang dinyatakan tadi, ialah kerana tingkatan gaji secara amnya telah meningkat sejak 1953. Kenaikan kadar bayaran pampasan ini bertujuan untuk menyelaraskannya dengan kenaikan ini dan juga supaya seimbang dengan faedah-faedah yang dibayar di bawah Sekim SOCSO.

Ordinan Pampasan Pekerja pada masa ini adalah meliputi pekerja-pekerja buruh kasar tanpa mengira pendapatannya dan pekerja-pekerja bukan buruh kasar (non-manual workers) yang berpendapatan tidak lebih daripada \$400 sebulan. Adalah dicadangkan untuk menaikkan "ceiling" pendapatan ini dari \$400 kepada \$500 iaitu bagi pekerja-pekerja bukan buruh kasar. Berkenaan dengan kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, bidangkuasa Ordinan ini masih tetap sama seperti dahulu iaitu buruh kasar tanpa mengira pendapatannya dan bukan buruh kasar yang berhak menerima pencen dan lain-lain faedah di bawah peraturan pencen atau di bawah syarat-syarat perkhidmatan Harun yang ujud sekarang.

Clause 3 di dalam Pindaan Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menambah kadar bayaran pampasan tersebut. Cadangan kenaikan itu, secara kasar, adalah seperti berikut:

- (a) Dalam Kes-kes Kemalangan Maut kadar pampasan maksima sekarang sebanyak 36 bulan pendapatan atau \$7,200 yang mana yang kurang, akan dinaikkan kepada 45 bulan pendapatan atau \$14,400 yang mana yang kurang. Kadar pampasan minima (bagi Orang-orang Dewasa yang telah mencapai umur 18 tahun) sebanyak \$2,880 berdasarkan kepada 36 bulan pendapatan mengikut kadar \$80 sebulan, akan dinaikkan kepada \$4,725 berdasarkan kepada 45 bulan pendapatan mengikut kadar \$105 sebulan.

(b) Bagi kes-kes kecederaan yang melibatkan tidak upaya kekal (Permanent Total Disablement) bayaran pampasan sekarang (bagi orang-orang dewasa yang telah mencapai umur 18 tahun) sebanyak \$9,600 atau 48 bulan pendapatan yang mana yang kurang, tertakluk kepada had minima sebanyak \$3,840 berdasarkan kepada 48 bulan pendapatan mengikut kadar \$80 sebulan, akan dinaikkan kepada \$19,200 atau 60 bulan pendapatan yang mana yang kurang tertakluk kepada had minima sebanyak \$6,300 berdasarkan kepada 60 bulan pendapatan mengikut kadar \$105 sebulan.

- (c) Dalam kes-kes yang melibatkan tidak upaya sementara (Temporary Disablement), kadar pampasan sekarang sebanyak \$65 atau jumlah yang sama dengan 1/3 daripada pendapatan sebulan pekerja itu yang mana yang kurang, tertakluk kepada had minima sebanyak \$26.66 sen, bagi tiap-tiap setengah bulan tempoh ketidak upaya itu, akan dinaikkan kepada \$135 ataupun sama dengan 1/3 pendapatan bulanan pekerja itu, yang mana yang kurang, tertakluk kepada had minima sebanyak \$35 bagi tiap-tiap setengah bulan tempoh ketidak upaya itu.

Tujuan Clause 3 (b) Rang Undang-undang ini ialah untuk menentukan bahawa bayaran penuh sekali gus (full-lump sum) di dalam kes-kes kemalangan maut dibayar oleh Majikan kepada seseorang tanggungan pekerja itu tidak kira samada tanggungan itu bergantung penuh atau tidak secara penuh kepada simati. Di bawah undang-undang sekarang, dalam keadaan yang tertentu, satu bayaran yang kurang dari bayaran penuh akan diberi kepada tanggungan yang tidak bergantung secara penuh kepada simati itu.

Clause 6 Rang Undang-undang ini memperuntukan kepada Majikan supaya membayar, selain daripada bayaran asal, perbelanjaan anggota palsu (artificial limbs), kerusi beroda dan alat-alat pembedahan.

Clause 8 bertujuan untuk membuat peruntukan kepada semua majikan-majikan (melainkan dikecualikan oleh Menteri), supaya membolehkan mereka membeli insuran daripada sebuah syarikat insuran Malaysia berpandukan kepada Akta Insuran 1963. Ini adalah untuk menentukan bahawa

Majikan-majikan akan berupaya untuk membayar kenaikan pampasan di bawah Ordinan ini.

Rang Undang-undang ini seterusnya memperuntukan kenaikan denda dan lain-lain pertukaran berikutan dengan pindaan ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menaikkan kadar bayaran pampasan yang dibayar di bawah Ordinan ini. Di dalam kes-kes kemalangan maut dan lain-lain kecederaan yang mengakibatkan tidak upaya kekal, jumlah maksima telah dinaikkan sekali ganda, kadar bayaran pampasan minima juga telah dinaikkan. Kenaikan yang sama adalah juga dicadangkan bagi kadar bayaran setengah bulan dalam tempoh tidak upaya sementara.

Peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini telah dibincangkan dengan penuhnya di dalam Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan (N.J.L.A.C.) yang mengandungi wakil-wakil majikan dan pekerja-pekerja di peringkat kebangsaan. Persetujuan besar telah didapati dari mereka mengenai kadar pampasan ini dan lain-lain peruntukan yang terkandung di dalamnya.

Ordinan Pampasan Pekerja 1952 pada masa sekarang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia. Adalah dicadangkan supaya kadar kenaikan yang sama akan digunakan di Sabah dan Sarawak yang pada masa ini mempunyai Ordinan Pampasan Pekerja masing-masing secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.26 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Undang-undang Pampasan Pekerja, 1952.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya sukalah mengucapkan tahniah khasnya kepada Kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat berkenaan untuk memperkenalkan Akta ini, memungkinan lebih berganda selepas 24

tahun mengikut kehendak masa sekarang. Pampasan bayaran yang maksima untuk kematian ialah \$7,200. Kebanyakan orang yang kehilangan nyawa akan mendapat bayaran dalam tiga tahun jika mereka dapat hidup semula.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedar bahawa pampasan bayaran yang rendah itu akan merampas banyak keluarga dalam kedudukan ekonomi biasa selepas kematian seseorang yang mencari rezki dalam sesuatu keluarga. Saya pasti Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sedar akan perkara yang serius ini dan telah membawa pindaan ini menjadi dua kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 8 dalam Ordinan asal supaya meminda masa pampasan bayaran sebanyak \$7,200 selama 36 bulan sehingga bayaran sebanyak \$14,400 selama 45 bulan.

Selepas 24 tahun bayaran \$7,200 telah menjadi \$14,400. Kita tidak mengerti tenaga pembelian kewangan ini dinilai dengan wang sekarang. Kalau kita pergi ke pasar serta wang digantungkan kepada sebuah bakul kosong, sebaliknya pada masa ini kita terpaksa mengambil wang di bakul itu untuk membeli sebuah bakul yang mempunyai rezki. Contoh yang kecil ini, Tuan Yang di-Pertua, dapat dibandingkan atas nilai kewangan hari ini dengan masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas sebuah negara yang berdekatan dengan kita telah meminda undang-undang ini untuk membayar maksima pampasan sebanyak \$20,000. Saya harap Kerajaan kita akan menimbangkan pindaan ini dalam masa yang akan datang untuk menambahkan pampasan serta tenaga pembelian kewangan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, fasal yang kedua menimbangkan berkenaan dengan orang yang berpendapatan sehingga \$500 sebulan termasuk dalam kategori pekerja, saya mengerti perbuatan itu harus dilaksanakan kerana pendapatan seseorang pekerja biasanya telah bertambah sebanyak \$400 sekarang.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya dapat mengatakan bahawa Akta ini membuktikan Kerajaan kita mengambil perhatian rapi menghadapi pekerja-pekerja yang disifatkan sebagai tiang negara.

4.30 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua tentang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan apabila beliau mengemukakan Rang Undang-undang ini menyatakan ini ialah untuk meminda Akta Pampasan Pekerja yang diluluskan oleh Federal Legislative Council yang dahulu pada tahun 1952 dan Kerajaan Perikatan mula-mulanya dan Kerajaan Barisan Nasional sekarang telah mengambil 24 tahun, Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat pindaan ini. Saya memang bersetuju dengan Rang Undang-undang dan pindaan ini tetapi, mengapakah Kerajaan telah mengambil masa begitu lama untuk membawa Rang Undang-undang ini ke Dewan ini? Mengapakah Kerajaan kita tidak memperhatikan apa yang dikehendaki oleh pekerja-pekerja yang boleh dikatakan 10 tahun lebih dahulu telah menyuruh Kerajaan membuat pindaan Akta Pampasan Pekerja?

Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan di dalam ucapannya menyatakan pampasan kepada pekerja-pekerja yang miskin ialah meningkat dua kali ganda katanya daripada \$7,200 kepada \$14,000. Saya hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan pada tahun 1952 apabila Akta asal diluluskan dan jikalau dibandingkan dengan tahun 1976 taraf kehidupan (cost of living) telah meningkat barangkali tiga kali atau empat kali ganda tetapi ini dinaikkan dua kali ganda sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya Kerajaan benar-benar hendak menolong pekerja yang miskin, Kerajaan perlu membuat pindaan bukan sehingga \$14,400 tetapi barangkali \$22,200 iaitu tiga kali ganda. Itu berpatutan tentang kenaikan taraf kehidupan di tanahair kita. Pada pendapat saya itu pun tidak cukup kalau dibandingkan taraf kehidupan pada tahun 1952.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuashati apabila Menteri yang berkenaan menyatakan sekiranya SOCSO diperluaskan dan melindungi semua pekerja-pekerja ini SOCSO akan menggantikan Akta Pampasan Pekerja ini. Dan saya berharap, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan mempercepatkan untuk memperluaskan SOCSO supaya Akta pindaan ini atau Akta ini boleh

digantikan oleh SOCSO oleh sebab pampasan ini pada pendapat saya tidak mencukupi kepada tanggungan si miskin yang meninggal dunia tentang kecederaan atau kemalangan apabila mereka bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8, saya hairan, Ordinan ini adalah dipinda dengan menggantikan Seksyen 26 dengan yang berikut, saya bacakan pindaan ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"26 (1) Every employer shall insure and keep himself insured with a Malaysian insurer within the meaning of the Insurance Act 1963 in respect of any liability which he may incur under the provisions of this Ordinance to any workman employed by him."

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perenggan yang ke (2) ini:

"Notwithstanding sub-section (1), the Minister may, by notification in the *Gazette* declare that the provisions of that sub-section shall not apply to any employer or class of employers."

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan mengapakah beliau akan mengecualikan sebahagian majikan atas peruntukan Fasal 8 (1).

Tuan Yang di-Pertua, atas mengambil insuran Workmen's Compensation atau Akta Pampasan Pekerja, saya hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan bukan mereka tidak sedar tetapi saya hendak tegas kan di dalam Dewan ini banyak majikan tiada membeli insuran untuk Akta Pampasan Pekerja. Ini timbul apabila pekerja itu mati dan kita siasat ada beli insurankah?—Tiada. Dan bukan satu, Tuan Yang di-Pertua, barangkali beratus-ratus atau beribu-ribu pekerja majikan di tanahair kita tiada membeli insuran dan saya berharap Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat boleh siasat dengan teliti dan mendalamnya semua majikan di tanahair kita supaya mereka benar-benar ada membeli insuran untuk Akta Pampasan Pekerja.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka membeli ini atau mereka kutip wang untuk membeli insuran, mereka tiada beli insuran. Ini bermakna majikan mengambil wang daripada pekerja untuk membeli insuran tetapi tidak beli. Mereka ada dua kesalahan, Tuan Yang di-Pertua, mengikut

Undang-undang, mereka tiada kuasa untuk mengutip wang daripada pekerja untuk membeli insuran dan mereka telah kutip wang tetapi tiada beli insuran. Saya berharap kedua-dua kesalahan ini, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat boleh siasat dengan teliti dan membawa mana-mana majikan yang berbuat demikian ke Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak memberitahu kepada Menteri yang berkenaan, pada pendapat saya tidak ada seorang majikan pun yang ada membeli alat surgical appliances atau alat keanggotaan kepada pekerja-pekerja yang mendapat kemalangan atau kecederaan. Saya berharap kes-kes yang saya bawa keperhatian Menteri atau Kementerian Buruh, mereka boleh mengambil tindakan dengan tegasnya, oleh sebab alat-alat ini bukannya murah, alat-alat ini seperti apa yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan "wheel chair" \$300 lebih sebuah dan "artificial limb" barangkali \$500-\$600.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Artificial limb yang mana \$500?

Dr Tan Chee Khoon: Artificial Limb, kaki atau tangan yang hilang. Kalau hendak beli di tanahair kita atau di mana-mana pun terlampau mahal dan si miskin yang hilang tangan atau hilang kaki tidak berkemampuan untuk membeli alat-alat tersebut. Dan diharaplah Kerajaan mengambil perhatian dan menjalankan tugasnya dengan sempurna.

4.40 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana membawa Rang Undang-undang ini. Dengan adanya Rang Undang-undang baharu pindaan ini maka bertambahlah faedah yang akan didapati kepada pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan. Tetapi saya ingin menyoal dan meminta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan dua tiga perkara yang saya rasa ganjil, iaitu Clause 3. Kalau kita tengok Clause 3 ini, berkaitan dengan kemalangan maut iaitu daripada 36 bulan ditambah kepada 48 bulan, iaitu setahun. Tetapi sebaliknya dari segi jumlah daripada \$7,200 kepada \$14,400. Ini menunjukkan 100% bertambah. Ini pada pandangan kasar memang elok.

Satu perkara yang jadi kemuskilan ialah penghabis sekali daripada Seksyen 8 Undang-undang asal ini iaitu yang mana yang lebih kurang—whichever is the lesser. Jadi kalau kita minta contoh seorang pekerja yang gajinya \$200 sebulan bila dia mati akibat kemalangan; kalau 48 bulan dia dapat \$9,600. Jadi dia tidak boleh dapat \$14,400 kerana ayat yang penghabisan itu dikatakan whichever is the lesser. Ini saya tidak faham, mengapakah di atas jumlah wang itu iaitu sebut \$14,400 iaitu tambahan 100% pada hal jumlah masa yang dapat diterima faedah ini ialah cuma 25% sahaja iaitu satu tahun lebih.

Begitu juga perkara (b). Daripada 48 bulan kepada 60 bulan. Tetapi jumlah wangnya daripada \$9,600 kepada \$19,200. Kalau kita tengok jumlah ini, memang ini satu faedah yang amat sangat yang akan didapati oleh pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan di atas tidak upaya tetap (permanent total disablement) tetapi jika kita kaji dengan halusnya kita dapati faedahnya ini tidak mungkin akan didapati oleh pekerja-pekerja yang menerima kemalangan. Misalnya pekerja yang gajinya \$200 sebulan. Kalau dikali dengan 60 bulan jumlah \$12,000. Sungguhpun jumlah wang disebutkan di sini iaitu \$19,200. Tetapi perkataan yang penghabisan sekali di dalam Seksyen ini whichever is lesser. Ini yang saya tidak faham mengapakah berkaitan dengan jumlah wang ditambah 100% pada hal jumlah masa ditambah cuma satu tahun. Apakah tidak elok kalau betul-betul Kerajaan hendak memberi faedah kepada pekerja-pekerja ataupun memberi kesan yang baik kepada pekerja hasil daripada pindaan ini. Batalkan langsung perkataan "lesser" gantikan perkataan "greater". Kalau perkataan "lesser" itu diganti dengan perkataan "greater" barulah pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan ini dapat hasil yang penuh mendapat faedah yang penuh di atas pindaan ini. Kalau tidak, tidak ada makna. Sebab buruh yang kita tahu kebanyakannya gaji sebulannya lebih kurang \$200. Kalau kita kali dengan 60 baru \$12,000. Jauh lagi hendak sampai \$19,200. Tetapi sebaliknya kalau betul Kerajaan jujur (sincere) hendak betul-betul tolong pekerja-pekerja hasil daripada pindaan undang-undang ini, batalkan perkataan "lesser" diganti dengan perkataan "greater", barulah pekerja ini boleh dapat \$19,200 yang gajinya tadi \$200 sebulan.

Kalau tidak \$19,200 atau \$14,400 tidak ada makna kerana dia tidak akan tercapai; tidak sampai kepada dia.

Ini lah yang saya minta Menteri berkenaan memberikan penjelasan apakah sebab kalau kita hendak kira daripada segi lojik kalau ditambah daripada \$7,200 kepada \$14,400 mestilah 36 bulan ditambah 100% iaitu 72 bulan. Begitu juga tidak upaya tetap (permanent total disablement) kalau diganda daripada \$9,600 kepada \$19,200 mestilah juga ditambah daripada 48 bulan kepada 96 bulan. Ini akan memberi faedah kepada mereka yang ditimpa kemalangan. Kalau tidak, pindaan ini tidak ada makna langsung. Cuma sedikit sahaja dapat faedah. Dan saya tidak tahu macammna wakil-wakil pihak pekerja dalam perundingan dapat bersetuju dalam hal ini. Mungkin mereka itu cuma nampak angka wang sahaja, angka masa mereka terlupa.

Dan selain daripada itu apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, saya ingat tidaklah begitu tepat kerana dalam Fasal 8 iaitu Seksyen 26 (3) telah disebutkan, apabila majikan itu mengutip wang daripada pekerja untuk membayar beli insuran, ini menjadi satu kesalahan. Ini saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan, kerana sebelum ini banyak majikan sungguhpun dia beli insuran tetapi wang premiumnya dikutip daripada pekerja-pekerja. Samada dengan pengetahuan pekerja itu atau tidak; itu saya tidak tahu. Tetapi memang dilakukan dan ini saya ucapkan tahniah kepada Menteri. Di Clause 3 saya minta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan kerana ini menimbulkan keraguan bahawasanya betul atau tidak Kementerian yang berkenaan benar-benar hendak memberi faedah menolong pekerja-pekerja yang ketika ini kita tahu telah ditindas oleh majikan-majikan.

4.49 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk memberi ulasan atas Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan oleh Yang Berhormat Menteri yang dinamakan Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1976.

Tuan Yang di-Pertua, dipandang sepintas lalu ternyata bahawa pindaan ini adalah seolah-olah merupakan satu pindaan yang

akan mendatangkan lebih banyak perlindungan dan faedah kepada kaum pekerja di Malaysia hari ini.

Tetapi bila dikaji dan diteliti dengan lebih mendalam dan menyeluruh, kita akan dapati bahawa kebanyakan kelemahan dan peruntukan-peruntukan yang tidak menguntungkan kepada kaum pekerja ini masih berakar-umbi dalam Ordinan yang sudah berumur melebihi 24 tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Seksyen 8 Rang Undang-undang ini. Sungguhpun Seksyen 8 Ordinan Pampasan Pekerja Tahun 1952 ini telahpun dicadangkan untuk dipinda dengan menaikkan kadar pampasan bagi pekerja yang mengalami kemalangan yang sudah mengakibatkan kehilangan daya kerja untuk seumur hidupnya dari \$9,600 kepada \$19,200 atau lebih tepat dikatakan bahawa pampasan ini telah dinaikkan satu kali ganda. Tetapi apa yang telah dikatakan oleh rakan saya dari kawasan Kepong iaitu memandangkan nilai matawang Malaysia kian tahun kian menurun dan harga barang-barang pun melambung naik berlipat kali ganda tingginya, maka pampasan hanya satu kali ganda ini tentulah tidak akan dapat mendatangkan apa-apa perbezaan kepada kaum pekerja ini. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, negara jiran kita pada dua tahun yang lepas telahpun menaikkan kadar pampasan ini kepada \$30,000. Memang kadar pampasan ini adalah tidak mencukupi tetapi sekurang-kurangnya adalah lebih tinggi daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita ketahui jika pekerja yang tertimpa kemalangan yang mendukacitakan ini biasanya adalah terdiri daripada mereka yang sudah berumah-tangga yang ramai tanggungannya, maka bagaimanakah dengan pampasan ini dapat menolong melepaskan mereka daripada mengalami kesengsaraan hidup. Juga jika si malang ini seorang yang berumur muda, maka bagaimanakah mereka dapat menempohi seluruh umur hidupnya hanya dengan jumlah pampasan ini. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mencadangkan bahawa yang mengalami kemalangan dengan kehilangan daya kerja untuk seumur hidupnya dan sudah berumur 40 tahun ke atas sudah berumah-tangga perlu diberi satu jumlah pampasan yang tidak kurang daripada \$50,000. Dan bagi si malang yang berumur

antara 30 tahun dan 40 tahun perlu dibayar tidak kurang daripada \$40,000 dan bagi si malang yang berumur kurang daripada 30 tahun, tetapi telah kehilangan daya kerjanya untuk selama-lamanya, maka jumlah pampasannya hendaklah dibayar dengan tidak kurang daripada gaji 30 tahun yang dia akan perolehi. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sangat mustahak dan akan menjamin bahawa seorang yang tertimpa dengan kemalangan ini akan dapat dilepaskan daripada mengalami berbagai-bagai kesusahan dan kesengsaraan kehidupannya atau keluarga dan tanggungan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan satu jaminan keselamatan sosial dan ekonomi bagi kaum pekerja yang mengalami kemalangannya kerana demi pembangunan ekonomi negara kita. Saya menyeru bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mempertimbangkan cadangan saya yang tersebut supaya kaum pekerja dapat diperindungi daripada pukulan yang tidak kenal belas kasihan ini.

Mengenai pampasan terhadap seorang pekerja yang sudah meninggal dunia kerana kemalangan dalam waktu kerjanya, saya tidak membangkang bahawa kadar pampasan dari \$7,200 dinaikkan kepada \$14,000 tetapi saya merasa bahawa kenaikan kadar ini adalah juga tidak mencukupi, kerana apa yang telah saya katakan tadi nilai matawang pada 24 tahun yang lalu adalah sangat jauh bezanya dengan nilai wang yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang perlu diperhatikan ialah kadang-kadang pengiraan kadar pampasan ini adalah sangat-sangat tidak memuaskan. Umpamanya, seorang pekerja perempuan dari Seremban, Negri Sembilan telah kemalangan nyawanya dalam waktu kerjanya, tetapi dia bukan dibayar \$7,200 tetapi hanya dibayar satu jumlah yang kurang daripada \$5,500. Pengiraan ini adalah hanya berdasarkan pada kadar gajinya. Adakah ini adil, di manakah prinsipnya untuk mengira pampasan ini, kerana pekerja yang tidak bernasib baik ini telah mempunyai 10 orang anak, bagaimana masa depan dan kehidupan tanggungan si malang. Itulah sebabnya saya katakan bahawa kadar pampasan yang baharu ini adalah tidak adil, juga cara pengiraannya pun tidak adil dan praktikal. Nampaknya pindaan ini tidak dapat memberi tahu satu perlindungan yang bermakna

dan berfaedah yang sebenarnya kepada kaum pekerja, melainkan hanya memper-
lindungi pihak majikan sahaja.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang mustahak dan serious adalah perlu diperhatikan iaitu tentang bagaimana seseorang pekerja dianiayai di bawah Seksyen 60 (f) (1) Ordinan Pekerja Tahun 1955 dan Seksyen 4 (2) (a) Ordinan Pampasan Pekerja Tahun 1952. Umpamanya, seorang pekerja yang berkhidmat dengan sebuah syarikat hanya 8 bulan lamanya, tetapi malangnya si pekerja ini mengalami kemalangan dan tidak dapat bekerja untuk tiga hari, maka di bawah Ordinan Pampasan Pekerja Tahun 1952 ini dia tidak dapat dilayakkan untuk menuntut apa-apa pampasan kerja Seksyen 4 (2) (a) adalah berbunyi; saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris—apa yang dikatakan dalam Ordinan tersebut:

“An employer should not be liable to pay compensation in respect of any injury which does not disable the workman for a period of at least 4 days from earning full wages at work at which he was employed.”

Juga si pekerja ini pun tidak dilayakkan untuk bercuti sakit di bawah Seksyen 40 (f) (1) Ordinan Pekerja Tahun 1955 yang berbunyi:

“A labourer who has served an employer for a period of not less than 12 months, shall after examination, at the expense of the employer by a duly registered medical practitioner, be entitled to such paid sick leave.”

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kemalangan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh kaum pekerja yang tertimpa dengan kemalangan di bawah kedua-dua seksyen Ordinan tersebut. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat yang berkenaan supaya dapat bertindak dengan segeranya untuk memperbaiki kelemahan yang serious dalam kedua-dua seksyen ini supaya pekerja yang mengalami kemalangan ini dapat diperindungi dari mengalami kesusahan baik pada badan tubuhnya ataupun pada sumber pendapatannya. Itulah komen yang saya ingin berikan.

5.00 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang pindaan bernama Akta Pampasan Pekerjaan (Pindaan), 1976

dan juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat oleh sebab pindaan ini ialah langkah yang baik kepada pekerja-pekerja di lapangan industri.

Saya adalah menyokong Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang telah membangkitkan hal ini "whichever is the less" prinsip. Jikalau tujuan Kementerian ialah menaikkan pampasan kepada pekerja-pekerja lebih baiklah jikalau kita ada dapat satu flat rate pampasan di dalam Undang-undang ini oleh sebab jikalau kita kira seorang pekerja perempuan di kilang letronik yang mendapat \$2.80 sehari, jika ia bekerja selama 45 bulan jikalau ada berlaku satu kemalangan maut wang pampasan itu terlampau sedikit. Saya harap juga jikalau tujuan Kementerian ialah menaikkan pampasan kepada pekerja-pekerja patutlah kita dapat satu flat rate.

Dengan ini saya merojok kepada perenggan 3.

"3. Seksyen 8 Ordinan adalah dipinda—

(a) x x x x x x x

(b) dengan memotong proviso pertama kepada perenggan (a);"

Di bawah Akta yang lama proviso adalah berbunyi—

"Provided that if the deceased workman did not leave any dependants who were wholly dependant upon his earnings but left dependants in part so dependant, the amount of compensation shall be such lumpsum not exceeding in any case the amount payable under this sub-section as may be determined by the Commissioner to be reasonable and proportionate to the loss suffered by such dependents".

Ini ialah satu proviso tambahan di bawah Ordinan 31 tahun 1956.

Memotong proviso ini ialah satu langkah yang baik oleh sebab 24 tahun yang dahulu beberapa kerumitan telah dihadapi oleh pekerja-pekerja. Proviso ini ada membuat satu peluang (legal loophole) kepada majikan atau insuror boleh dikatakan di hadapan Yang di-Pertua Sessions Court selaku arbitrator di dalam timbangtara, katanya, "dependence depends on actual proof of dependency". Saya minta maaf jikalau saya berkata di dalam Bahasa Inggeris oleh sebab dependency boleh dikatakan dalam Bahasa

Malaysia ialah tanggungan. Jadi, langkah memotong proviso ini ialah satu langkah yang baik oleh sebab beberapa banyak insurers ada memakai peguam-peguam yang boleh memakai legal loophole, memotong dan juga membayar separuh pampasan yang patut diberi kepada pekerja-pekerja.

Saya mengalu-alukan Rang Undang-undang di bawah Fasal 8.

"8. Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 26 dengan yang berikut—
Compulsory insurance by employer."

Yang dahulu di bawah Akta yang lama seksyen 26 ialah bukan mandatory insurance, majikan boleh kata tidak payah beli insuran dan juga sekarang ada yang baru. Jadi, di bawah insuran ini saya berharaplah Kementerian boleh mengambil perhatian di atas tiga perkara. Jikalau ada seorang pekerja kena kemalangan maut atau kena injuries, insuran boleh katakan yang pertama menyangkal tanggungan (repudiate liability) oleh sebab ada legal technicality. Pada masa dahulu kebanyakan kaum pekerja mengalami kesusahan oleh kerana majikan tidak menginsuredkan pekerjaanya atau kebanyakan majikan terdiri dari pemborong atau peniaga kecil tidak membeli insuran dan itulah sebabnya tidak mampu membayar pampasan.

Ada kes-kes di mana majikan menginsuredkan separuh pekerjaanya. Sebenarnya patutlah menginsuredkan semua pekerja yang dipunyai oleh majikan. Ada lagi kes-kes yang mana syarikat insuran menyangkal tanggungan (repudiate liability) oleh kerana majikan akui liability sebelum dilaporkan kepada pihak syarikat insuran atau mereka tidak mematuhi syarat-syarat di dalam polisi insuran. Ada juga pihak majikan membeli insuran tanpa memberitahu jenis pekerjaan yang mana insurance premium kena dibayar lebih, misalnya, pekerja kayu balak di hutan, pekerja di kilang papan, pekerja kilang yang mana kerja itu merbahaya. Oleh sebab kes-kes yang saya sebutkan tadi pampasan tidak dapat dibayar, saya mencadangkan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat memberi perhatian supaya pegawai-pegawainya mengambil berat perkara yang saya sebutkan bahawa kaum pekerja akan terjamin dan juga patutlah boleh mendapat pampasan.

5.08 *ptg.*

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Pampasan Pekerja, 1952.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh sedikit atas perkara ini dari segi tuntutan yang diminta oleh pekerja-pekerja. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang telah membawa satu Rang Undang-undang (Pindaan) yang perlu dan penting kepada pekerja-pekerja khususnya pada masa sekarang di mana ekonomi negara kita akan bertambah baik dan mengakibatkan lebih banyak lagi pekerja-pekerja dalam semua bidang perindustrian dan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peruntukan disebut di dalam Rang Undang-undang ini adalah baik dan berfaedah kepada pekerja-pekerja tetapi Kerajaan harus menentukan faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan boleh disampaikan kepada mereka dengan lebih mudah dan juga dalam masa yang tidak berapa lama.

Dalam pengalaman saya sebagai doktor saya telah mendapati beberapa kes-kes tuntutan (claim cases) khasnya pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah di mana adalah menghadapi banyak kesusahan untuk mendapat tuntutan yang berkenaan. Misalnya, saya tahu ada beberapa kes yang berlaku akibat bencana walaupun tuntutan itu adalah kecil sahaja seperti \$500 atau lebih sedikit, tetapi sedihnya rasa saya oleh kerana red tape yang sangat banyak sekali wang itu selama 4-5 tahun pun belum disampaikan ke tangan pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut memahami dengan kesulitan dan kesusahan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja dan kita harus bersimpati dengan mereka khasnya pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. Atas pandangan itu saya mencadangkan bahawa kita mengadakan satu peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini yang mana pekerja-pekerja akan mendapat tuntutan yang berkenaan dalam satu masa yang berpatutan dan adil seperti dalam tempoh 6 bulan atau kurang untuk kes-kes yang kecil (simple cases) dan untuk kes-kes yang lebih rumit kita boleh memanjangkan masa itu jikalau perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan yang telah mengambil perhatian untuk memperluaskan kemudahan-kemudahan dalam skim SOCSO kepada kaum nelayan, penoreh getah dan petani-petani yang saya ingat sangat perlu.

5.10 *ptg.*

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh iaitu Akta Pampasan Pekerja (Pindaan), 1976.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana ini membuktikan bahawa Kerajaan kita sangat mengambil berat terhadap kebajikan kaum buruh.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab negara kita hari ini sedang beransur-ansur menjadi negara industri dan industri kita ini banyak menggunakan mesin-mesin yang kerap kali berlaku berbagai-bagai kemalangan kepada pekerja-pekerja, kadang-kadang ada pekerja-pekerja yang hilang tangan, hilang kaki dan berbagai-bagai lagi anggota yang hilang semasa menjalankan tugas mereka masing-masing. Oleh yang demikian, maka Akta ini sangatlah memberi faedah kepada pekerja-pekerja yang tersebut.

Perkara yang kedua yang hendak saya minta perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah selama ini kaum-kaum buruh kita yang kita tahu kebanyakannya pelajaran mereka itu rendah, jadi banyak faedah-faedah daripada pekerjaan mereka itu yang mereka tidak mengetahui. Mereka tidak tahu apa-apa hak yang mereka boleh dapat, boleh menuntut apabila berlaku sesuatu kemalangan terhadap diri mereka dan perkara ini tidak diberitahu oleh pihak Kerajaan, lebih-lebih lagi pihak majikan. Kadang-kadang pihak majikan itu sengaja tidak mahu beritahu apakah hak-hak ataupun faedah-faedah yang boleh dituntut dan boleh didapati oleh pekerja-pekerja yang terlibat dengan kemalangan itu. Oleh yang demikian, saya berharap sangat kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya apabila lulusnya Akta Pampasan Pekerja ini pihak Kerajaan akan memberi penerangan kepada semua pekerja melalui alat-alat

sebaran am supaya semua pekerja-pekerja yang terlibat dapat mengetahui apakah hak ataupun faedah-faedah yang mereka boleh dapat apabila mereka ini terlibat dalam kemalangan-kemalangan yang termasuk dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ialah masalah insuran. Kerap kali pihak-pihak insuran ini selalu mengelakkan diri mencari berbagai-bagai helah mereka hendak mengelakkan diri tidak mahu membayar pampasan, tidak mahu mengeluarkan sagu hati dan sebagainya. Ini banyak berlaku dan banyak aduan yang kita terima mengatakan pihak insuran ini tidak bayar kerana mencari kesilapan, misalnya silap lambat memberitahu, lambat membuat aduan atau silap dalam bahagian teknikal mengisi borang dan sebagainya. Ini dicari jalan oleh pihak insuran mengelakkan dirinya daripada membayar pampasan kepada pekerja yang tersebut. Jadi, saya berharap sangat supaya Kementerian dapat menentukan apa yang boleh didapati oleh pihak pekerja setelah mereka membeli insuran, mereka boleh mendapat, jangan kita biarkan pihak insuran ini mencari berbagai helah untuk melepaskan diri.

Satu perkara lagi ialah masalah hilang upaya. Dalam perkara hilang upaya yang kita maksudkan ialah kepada hilang tenaga, hilang daya upaya untuk bergerak dan sebagainya. Hari ini keadaan negara kita ini ada industri yang memberi perhatian kepada mata, misalnya kilang letronic. Pekerja-pekerja letronic ini banyak menggunakan mata mereka untuk bekerja. Jadi ada dua tiga kes pekerja-pekerja yang mata mereka itu sudah hilang keupayaan untuk melihat, kalau dahulu boleh terang dia nampak dan dia boleh membaca, sekarang ini ada yang langsung tidak nampak disebabkan oleh tugasnya tadi. Jadi, saya ingin hendak dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah hilang upaya kepada pandangan mata inipun dikira termasuk dalam perkara ini.

Selain daripada pandangan mata kepada pendengaran juga. Ada juga asykar-asykar kita yang bertugas sebagai ahli penyelam. Ini boleh jadi melibatkan pendengaran mereka ini akan hilang keupayaan. Adakah ini juga termasuk, oleh sebab pada hari ini banyak kerja-kerja seperti yang saya katakan tadi

menggunakan mata, misalnya pekerja-pekerja letronic beribu bilangannya. Jadi, kalaulah Akta ini boleh meliputi mereka yang berkenaan ini maka ini sangat menjadi kebajikan kepada pekerja-pekerja.

Satu perkara lagi ialah mengenai buruh-buruh kontrek iaitu kontraktor-kontraktor yang membuat bangunan-bangunan. Biasanya pekerja-pekerja yang berkerja dengan kontrek-kontrek bangunan ini langsung tidak mendapat faedah oleh sebab pemborong yang berkenaan tadi dia tidak terus mengambil pekerja tetapi dia berikan kepada sub-contract. Sub-contract pula ambil pekerja itu atas dasar gaji hari. Jadi, ramai pekerja-pekerja yang tidak dapat faedah E.P.F., tidak dapat faedah SOCSO dan sebagainya. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mencari jalan supaya semua pekerja-pekerja tidak kira dia bekerja di bawah sub-contract, dia bekerja cara gaji hari dan sebagainya mesti dilindungi oleh Akta ini supaya semua pekerja-pekerja ini beroleh faedah dan beroleh kebajikan daripada Akta yang kita luluskan.

Satu perkara lagi ialah masalah pampasan yang akan didapati sekiranya pekerja itu mati. Di sini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menetapkan harga \$19,000. Patut juga kita kaji balik, sebab asykar kita samada asykar kita ini termasuk dalam istilah pekerja. Bila asykar itu meninggal dunia dalam masa bertugas, mereka hanya dapat \$10,000 tetapi di sini pekerja yang kalau kita banding asykar mempertahankan negara dapat \$10,000 tetapi pekerja dapat \$19,000. Perkara ini patut Kerajaan kaji supaya jangan terbit rasa tidak puas hati dari asykar ini daripada pihak-pihak tentera kita.

5.19 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau bahasa yang saya gunakan ini tak berapa baik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak mengapa.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali yang hendak saya sentuh ialah definition of "workman" under the Workmen's Compensation Ordinance. Workman itu maknanya workman yang bekerja di lombong atau di jalanraya dan lain-lainnya itu dipanggil manual worker. Worker itu, saya ingat tidak termasuk seperti

kerani, typist atau lain-lainnya di pejabat. Perkara ini saya ingat tidak adil kerana typist pun seorang pekerja dan dia mestilah berkehendakkan security dan kita tahu workman itu tidak termasuk dalam satu independent contractor.

Sekarang kita boleh bercakap mengenai satu kerja yang kita nampak ada banyak kontrektor. Satu main contractor, kemudian sub-contract, membuat kerja kecil-kecil dan satu lagi kerja independent contractor dan dalam satu kerja kita tengok ada lima atau enam independent contractors dan kalau seorang independent contractor tidak dapat insuran (compensation) dia tidak boleh dapat pampasan dan pekerja-pekerja yang di-employed oleh independent contractor, dia pun tidak tahu siapa hendak sue. Tidak tahu siapa boleh bayar pampasan. Kerajaan mestilah timbang, periksa dan kalau pekerja-pekerja tidak dapat pampasan, mestilah dipinda Ordinance itu, atau SOCSO mesti dijalankan, mesti mahu responsive bukan duduk sahaja. Itu permintaan. Saya tidak mahu beri tahniah kepada Menteri tetapi saya sokong juga. Sokong fasal something is better than nothing. Saya sendiri sudah 6 atau 7 tahun yang lalu banyak kali sudah minta Kerajaan tambah pampasan itu, tetapi Menteri Buruh tidak buat apa-apa. Tetapi Singapura sudah naikan pampasan 200% bukan di sini 100%. Apa fasal kita sekali-kali mahu ikut negara kecil. Kita sendiri boleh jalankan, kita sendiri ada pemimpin, tetapi saya susah hati pemimpin kita tidak jaga baik pekerja-pekerja di Malaysia. Itu saya susah hati.

Banyak Labour Officers bukan mahu jaga pekerja-pekerjanya. Mereka tolong majikan. Macammana? Saya beri satu contoh. Dia panggil satu estate owner yang besar macam mana tidak payah beli insuran, tak payah bayar pampasan—contract workers. Kontrekkan estate itu kepada satu orang pekerja, awak dapat 50%, saya dapat 50%. Kalau kontrek itu, majikan estate mahu, boleh. Sebagai Labour Officers dia ada satu precedent atau contoh agreement Contract Labour. Dia boleh beri majikan. Majikan ambil contoh itu dan buat kontrek, kalau ada apa-apa accident happened, employer tidak kena. Perkara itu sudahpun terjadi di Perak banyak kali.

Lagi satu contoh ada satu orang pekerja pergi jumpa Labour Officer—Katanya, saya

sudah kena, saya bekerja di tempat itu, tetapi Labour Officer itu kata, mana bukti awak seorang pekerja, awak mesti ambil Kad E.P.F. kalau ada Kad E.P.F. awak seorang pekerja—workman. Kalau tidak, saya tidak mahu langsung ambil statement awak. Awak datang tak guna, tak boleh dapat. Perkara ini sudah pun terjadi. Kalau kita komplek kepada Labour Minister, tidak dijawab, tidak guna. Itulah keadaan yang berlaku di Malaysia.

Sekarang kita tahu kalau ada satu-satu kes di Labour Office, bila boleh siap. Bila boleh diselesaikan? Saya boleh jawab, lebih kurang 2 tahun sampai 4 tahun. Berapa boleh dapat? Lebih kurang \$2,000 atau \$3,000. Tetapi berapa kali pekerja mahu pergi Labour Office? 4 kali, 10 kali, 15 kali. Satu kali pergi Labour Office dia kena ambil cuti. Berapa duit tambangnya yang dia bayar. Kalau dia kerja luar, berapa mahu bayar tambang teksi. Itulah Kementerian mahu jaga bukan duduk sahaja. Kita panggil ini supaya semua orang tahu. Kerajaan beritahu banyak kali untuk menubuhkan Legal Aid Bureau. Saya harap Legal Aid Bureau boleh tolong pekerja, SOCSO atau Workmen's Compensation Ordinance. Boleh tolong mereka isikan apa-apa form dan lain-lain. Kalau mahu dapat satu Medical Report kepada pekerja itu, bila sudah kena, Labour Officer beri satu form sahaja, apa form saya tak tahu—ABC. Katanya, awak pergi ke hospital minta doktor isikan form ini. Apabila pergi ke hospital, setelah doktor tengok dia tidak mahu form itu, tetapi dia sendiri beri satu report. Tidak serupa dengan form tadi. Labour Officer mahu form itu, tetapi doktor di hospital beri reportnya sendiri, tak guna. Apabila surat itu sampai, masa telah terbuang. Menteri Buruh mesti beri tahu semua doktor di hospital bahawa itu satu tanggungjawab mereka, kalau ada form dari Labour Office mestilah diisi, kalau tidak diisi, perkara itu tidak boleh dijalankan mesti beri satu directive bukannya ada satu law sahaja, ada law pun kalau machinery tidak berjalan pun tidak guna. Tujuan Kerajaan tidak boleh dapat. Saya harap Menteri beri timbangan sedikit. Kita datang ke Dewan ini bukan untuk main politik. Kita datang kerana untuk tolong orang ramai. Kita bercakap itu adalah betul bukan bohong.

Satu perkara lagi yang saya mahu bangkitkan ialah mengenai pampasan dibayar mengikut gaji. Kalau pekerja itu miskin dengan

gaji \$100 sebulan, pampasannya kurang, kalau lebih \$300 pampasannya lebih. Saya ingat tak guna. Satu-satu pekerja mesti dibayar serupa sahaja. Kita tidak boleh cakap, dia lebih miskin, pampasannya lebih kurang; lebih kaya, pampasannya lebih, tak boleh cakap macam itu. Kalau saya sakit, saya orang miskin, medicine saya diberi kurang baik. Awak kaya, medicinenya lebih baik, tak boleh begitu. Mereka adalah orang susah, pampasannya mestilah serupa. Kalau satu tangan patah kena bayar \$2,000 hendaklah dibayar semua \$2,000. Bukan gajinya rendah, dia dapat pampasan \$500; gaji lebih lebih pampasannya \$2,000. Tidak boleh kira macam itu, semua mesti serupa.

Ada satu perkara lagi sudah banyak terjadi kepada miners. Dia beli insurance untuk 6 orang pekerja, tetapi tidak ada nama

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya dapat isyarat di sini ucapannya tidak jelas. Cuba hadapkan ke sini, payah hendak diterjemahkan dengan tepat.

Tuan Lim Cho Hock: Dia insured enam orang, tetapi six unnamed persons, insurance sudah ambil, premium sudah terima, tetapi kalau ada kemalangan, insurance tengok, hari itu katanya ada 12 pekerja di lombong. Awak sudah kena syarat itu breach of condition. Saya tidak mahu bayar. Macam mana? Sudah ada satu kes di Mahkamah Tinggi iaitu pekerja itu langsung tidak boleh dapat satu sen sebab majikan itu sudah breached condition. 12 orang ada kerja di lombong itu tetapi dia "insured" enam orang sahaja. Mana boleh? Tetapi kalau kita report kepada Kerajaan, Kerajaan kata itu "civil case" sahaja. Bukan kes kita, kita tidak mahu campurtangan. Tetapi kalau Kerajaan mahu tolong, betul-betul (sincere) dan mesti campurtangan, mesti bawa majikan itu masuk Mahkamah, "charge that fellow". That should be the way.

Berkenaan SOCSO, saya ada seorang kawan di Ipoh. Saya ingat lebih kurang dua atau tiga tahun lalu dia dapat sekeping cek dari SOCSO sebanyak \$1.50 sahaja. \$1.50 suruh dia datang, bukan dihantar kepada dia. Surat itu panggil dia datang ke pejabat SOCSO untuk mengambil cek itu. Macam mana? Dia naik teksi pergi ke office itu berapa belanja? \$1, balik lagi \$1-\$2, kalau

ambil cek itu \$1.50 dia sudah rugi 50 sen. Kalau dia datang dari outstation dia kena bayar commission untuk cek itu. Barangkali cek Kerajaan tidak ada commission, tidak mengapa, tetapi dia rugi. Jadi, tidak boleh buat begitu.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak bersangkutan dengan pindaan ini.

Tuan Lim Cho Hock: Saya beri contoh sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Beri contoh tidak mengapalah, biar jelas sedikit.

Tuan Lim Cho Hock: Kalau macam itu saya haraplah SOCSO mesti ada satu minimum compensation, sebanyak \$50 untuk beri dia belanja makan dan tambang teksi. Ambillah \$50 bukan \$1.50. Itu pun saya sangat malu kalau saya panggil dia dan saya dapat wang itu. Di SOCSO itu orang tunggu banyak kali dan sangat lama hendak mendapatkan "Medical Report" from the Board of Examiners. Boards of Examiners are not free all the time to sit, to meet

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bila mendapat kebenaran berbahasa Inggeris ini? Jangan melaratlah!

Tuan Lim Cho Hock: Tadi saya ada minta izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak ada; diberi izin kalau bercakap kurang pandai dalam bahasa Melayu sahaja.

Tuan Lim Cho Hock: Ya, ya. (*Ketawa*). Itu pun mahu ada "directive" dari Menteri. Kalau doktor itu tidak ada senang janganlah masuk Board of Examiners itu. Kalau mahu masuk mesti mahu ambil masa pergi meeting. Kalau tidak ada meeting, pekerja-pekerja tunggu-tunggu. Berapa bulan mahu tunggu, berapa tahun mahu tunggu? Kita di sini boleh tunggu tetapi pekerja-pekerja tidak boleh tunggu? Masaalah itu boleh selesai, tetapi Menteri tidak mahu jaga dan tidak mahu ingat sedikit, susahlah. Manakah itu boleh selesai, bukan tidak boleh selesai. Kalau doktor itu tidak senang kita tidak mahu dia boleh ambil doktor lain. Perkara itu boleh selesai dengan senang sahaja Sekian, terima kasih.

5.33 ptg.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh atas pindaan yang dibentangkan pada petang ini. Pindaan ini yang memperuntukkan bahawa Pampasan yang kena dibayar kepada pekerja-pekerja menunjukkan bahawa Kerajaan sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh mereka yang kurang bernasib baik yang memerlukan wang pampasan untuk kehidupan mereka. Pindaan untuk menambah pampasan adalah seimbang dengan kos kehidupan pada masa sekarang. Sebenarnya, pindaan ini membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat dari golongan pendapatan rendah. Saya suka mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan Pindaan ini. Saya hanya berharap bahawa wang Pampasan bila dituntut akan dibayar dengan secepat mungkin kerana mereka yang membuat tuntutan ini sangat-sangat memerlukan wang pampasan untuk menghadapi masalah-masalah yang ditimbulkan kerana sesuatu kemalangan. Kita tahu ada pihak majikan atau Syarikat Insuran untuk sebab-sebab mereka hanya tahu melambatkan bayaran yang dituntut. Untuk mengatasi masalah ini, barangkali Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh menimbangkan cadangan saya iaitu menubuhkan satu Tabung atau Peruntukan Khas di mana penuntut-penuntut boleh dapat bantuan sementara apabila mereka menunggu bayaran yang lambat itu. Barangkali wang untuk Tabung Khas ini boleh datang dari sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh semua majikan di seluruh negara kita.

5.36 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Pampasan yang telah dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya kebanyakan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan baik yang asalnya atau yang pindaan ialah untuk kebaikan negara, khususnya kepada orang-orang yang lebih susah kepada kita iaitu pekerja-pekerja dan lain-lain. Tetapi yang mendukacitakan kita kadang-kadang cara perlaksanaannya lambat tercapai dan kadang-kadang ada berbagai-bagai alasan.

Apa yang saya bangkitkan di sini selain daripada wang pampasan, kita selalu dengar cerita pasal berkenaan wang insuran. Walaupun satu hamba Allah telah masuk insuran tetapi sebelum ia mendapat insuran berbagai-bagai helah telah dikatakan oleh majikan, sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat yang lain tadi dan kadang-kadang terpaksa ambil lawyer pula untuk mengambil wang yang dia patut terima. Jadi, kita akan beri wang pampasan kepada pekerja-pekerja yang kebanyakannya oleh yang susah-susah. Jikalau mereka ini orang yang susah bagaimana pula hendak ambil lawyer dan sebagainya. Inilah yang saya takut. Kita buat Undang-undang ini baik, tetapi syarat hendak mengambil ada berbagai-bagai syarat. Sebagaimana saya biasa nampak selalu kejadian kemalangan terutama pekerja-pekerja di antara majikan-majikan saya contohkan kepada sebagaimana ladang tebu di Perlis dan sebagainya dan saya percaya majikan-majikan tempat lain pun semacam itu. Seseorang itu hendak mendapatkan satu wang insuran apabila dia mendapat kemalangan kepalanya sudah lain daripada kepala-kepala asal dan tangannya pula berubah daripada tangan asal, kononnya pula terpaksa dibelah ataupun berbagai-bagai cara lagi untuk hendak memastikan yang hamba Allah ini mati kerana kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih daripada kepala yang sudah pecah? Bukankah itu satu kenyataan, jadi saya ajaib dengan berbagai-bagai alasan yang dicari. Dengan sebab itu, saya takut walaupun Rang Undang-undang kita ini baik, tetapi bila pekerja-pekerja minta pampasan maka berbagai-bagai alasan dibuat oleh majikan yang cukup dengan lawyer dan berbagai syarat. Akhirnya, si hamba Allah yang terkena ataupun yang dapat kemalangan atau yang meninggal itu tidak mendapat apa-apa. Oleh sebab itu, saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan selain daripada Undang-undang yang telah baik ini kita kaji-lah sama ataupun awasi cara pelaksanaan ataupun cara-cara yang akan dibuat oleh pihak majikan-majikan tadi. Maklumlah tiap-tiap orang tadi akan mencari keuntungan, kalau ia tidak payah mengeluarkan wang itu adalah satu jalan keuntungan.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, pekerja pekerja yang akan mendapat wang pampasan tadi saya takut setengah-setengah pekerja itu

tidak bekerja tetap, misalnya seperti pekerja ladang tebu di Perlis, mereka ini kadang-kadang bekerja selama tiga bulan atau enam bulan terpaksa berhenti dan mereka ini pula tidak boleh menubuhkan satu persatuan pekerja. Sekiranya ada yang pandai bercakap kadang-kadang mereka terpaksa dibuang kerja oleh majikan. Hal ini patutlah ditimbang oleh Kementerian yang berkenaan. Saya dapati bukan sahaja di Perlis tetapi di tempat-tempat lain juga, walaupun terdapat banyak perkara yang baik tetapi kita bercakap ini ialah untuk menolong kepada pekerja-pekerja khasnya pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah, kita juga patutlah kaji pada keseluruhannya selain daripada wang pampasan, ialah untuk menetapkan pekerja-pekerja yang sekarang ini titik peluh mereka kita ambil, juga pihak majikan untuk menambahkan kekayaan majikan masing-masing. Saya berharaplah dengan kerjasama Kementerian Buruh dapat mengawasi sebagaimana yang saya katakan tadi, kalaulah kita dapat mengadakan Rang Undang-undang Pampasan patutlah juga Kementerian Buruh mengadakan satu undang-undang yang mewajibkan tiap-tiap seseorang pekerja di sesuatu majikan memasuki persatuan dan apabila telah mempunyai ahli lebih daripada 1,000 orang dengan pertolongan Kementerian Buruh mereka akan dapat menubuhkan Persatuan Pekerja masing-masing.

Saya dapati setengah daripada buruh-buruh tidak dapat menubuhkan Persatuan Pekerja masing-masing, kalau mereka ini mengadakan satu pakatan yang lebih daripada 1,000 orang dengan mempunyai penuh semangat mereka akan membela diri mereka masing-masing dan jika didapati ada pekerja yang menjadi kepala di situ, tentulah pekerja itu dibuang kerja dahulu. Perkara ini berlaku di setengah-setengah majikan, saya fikir tidak patut saya sebutkan dengan tepat jadi saya berharap dengan kerjasama Kementerian yang berkenaan untuk mendapati mereka itu bekerja tetap, ada setengahnya bekerja tidak sampai tiga bulan diberhentikan, kalau banyak cakap sedikit, walaupun kerjanya bagus diambil tindakan pula oleh majikan.

Saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian di atas perkara yang saya sebutkan tadi.

5.55 ptg.

Datuk Lee San Choon: Tuan yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan untuk memperbaiki keadaannya. Kami tidak boleh menafikan iaitu memang ada kesilapan, memang ada tempatnya untuk kita memperbaiki lagi keadaannya yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan yang penting yang telah ditimbulkan dalam Dewan ini, satu ialah mengapa cadangan pindaan Pampasan Pekerja ini baru sekarang dibawa, adakah Kerajaan tidak menjaga nasib kaum pekerja. Keduanya, adakah disebabkan dahulu Kerajaan Perikatan dan sekarang Kerajaan Barisan Nasional tidak menjaga masalah pekerja. Ini tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 10 tahun dahulu Kerajaan Perikatan telah mencadangkan perkara ini dan telah meminta pakar-pakar mengkaji perkara ini, dan mengikut pakar-pakar Rang Undang-undang Ordinan Pampasan Pekerja, undang-undang ini memang boleh menolong pekerja-pekerja, tetapi dengan konsep yang baru kata beliau dan dipersetujui oleh seluruh dunia iaitu satu legislation yang lebih progressive. Dan Rang Undang-undang yang progressive ialah social security lebih menjaga nasib kaum pekerja, oleh sebab itu dari masa itu kita telah bersedia meminta pakar-pakar menyediakan dan memberi laporan serta menyediakan Rang Undang-undang. Disebabkan kita sekarang ada mempunyai satu Rang Undang-undang yang dinamakan SOCSO atau Akta Keselamatan Sosial. Ini adalah satu Akta yang boleh diperkatakan lebih progressive daripada Ordinan Pampasan Pekerja, dan dengan adanya Akta itu tujuan Kerajaan ialah hendak menggantikan Ordinan Pampasan Pekerja yang ada sekarang ini. Tetapi selepas Akta Keselamatan Sosial telah diluluskan dan dikuatkuasakan daripada pengalaman dan pentadbiran tidak dapat dikuatkuasai semua sekali seperti saya katakan tadi. Undang-undang ini tidak dapat dikuatkuasakan di seluruh negara dan di seluruh tempat pekerjaan, sebab itu masih ada satu jumlah besar pekerja yang tidak dapat faedah daripada Akta Keselamatan Sosial. Oleh kerana itu sementara Ordinan Pampasan Pekerja belum diubah, dengan sebab itu kami bawa pindaan ini untuk sementara, di masa

hadapan apabila Akta Keselamatan Sosial telah boleh dikuatkuasakan di seluruh negara, di seluruh tempat pekerjaan, Akta itu akan digantikan dengan Ordinan Pampasan Pekerja dengan sepenuhnya. Jadi tuduhan yang mengatakan Kerajaan Barisan Nasional dan dahulu Kerajaan Perikatan tidak menjaga nasib pekerja-pekerja, itu tidak benar dan tidak betul.

Lagi satu perkara ialah kadar pampasan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Kuala Lumpur Bandar dan lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar pampasan ini oleh sebab kita ada Akta Keselamatan Sosial yang berjalan bersama, jadi kita kena coordinate, itu sebab yang pertama.

Kedua, memang harga barang sudah mahal jikalau dibandingkan dengan harga barang 20 tahun dahulu. Kalau kami kata kadar gaji jika dibandingkan dengan masa 20 tahun dahulu lebih kurang satu kali ganda, dan pada masa sekarang sudah dinaikkan satu kali ganda, saya fikir menasabah dan kadar ini telah dirundingkan dengan pihak pekerja dan juga pihak majikan, kedua-dua pihak pun bersetuju iaitu kadar ini menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyatakan kontraktor/majikan ada kutip wang daripada pekerja untuk insuran pekerja dan juga tidak insured dua kali salah. Sebenarnya, perkara itu tidak berlaku, tidak ada majikan atau kontraktor kutip wang untuk insuran. Ini adalah diwajibkan dan terpaksa tiap-tiap kontraktor atau majikan mengadakan workmen's compensation mesti insuredkan pekerja mereka. Memang ada sedikit-sebanyak orang-orang yang tidak menginsuredkan pekerja mereka, seperti juga masih ada pencuri-pencuri, masih ada orang-orang jahat tetapi apabila kena tangkap, mereka tentu didenda mengikut undang-undang. Kalau Ahli Yang Berhormat tahu di mana berlaku, lapurkan dan saya memberi satu jaminan iaitu tiap-tiap kes yang berlaku itu kami akan ambil tindakan tegas.

Berkenaan dengan exemption yang di timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, "Menteri ada hak mengecualikan pekerja-pekerja dalam Rang Undang-undang ini", sebenarnya tujuannya ialah untuk pekerja-pekerja dalam badan berkanun, pekerja di Jabatan Kerajaan di mana mereka

boleh mendapat faedah yang lebih baik daripada Rang Undang-undang ini. Jadi, tujuannya untuk membolehkan mereka itu meneruskan perkhidmatan mereka dengan syarat-syarat yang ada mesti dikecualikan daripada Rang Undang-undang ini. Oleh sebab itu, kuasa untuk Menteri mengecualikan dikehendaki.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyatakan artificial limb dan lain alat-alat medical tak pernah diadakan, itu tak betul. Banyak ada tangan dan kaki palsu dan mata palsu juga ada diberi di bawah pampasan ini.

Saya tidak bersetuju di atas pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh di mana beliau mengatakan pampasan itu "whichever is the lesser" kenapa tidak digantikan dengan "whichever is the greater". Kalau Ahli Yang Berhormat mendengar ucapan saya masa mengemukakan Rang Undang-undang ini, beliau akan tahu keadaannya di masa sekarang sebelum Rang Undang-undang dipinda saya bacakan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

- (a) Dalam Kes-kes Kemalangan Maut kadar pampasan maksima sekarang sebanyak 36 bulan pendapatan atau \$7,200 yang mana yang kurang, akan dinaikkan kepada 45 bulan pendapatan atau \$14,400 yang mana yang kurang.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh mengatakan dengan adanya pindaan ini tidak bermakna. Sebenarnya, ini bermakna sebab kadar yang akan diberi itu telah dinaikkan daripada 36 bulan kepada 45 bulan pendapatan atau daripada \$7,200 kepada \$14,400. Memang benar iaitu bukan setiap pekerja boleh dapat \$14,400. Itu bergantung atas gaji pekerja itu sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh juga telah memberikan misalan iaitu seorang pekerja yang bergaji \$200 sebulan cuma dapat \$12,000 pampasan. Itu betul. Tetapi bagaimana pula yang boleh diberikan kepada pekerja yang bergaji \$280. Pada masa lepas cuma maksima \$7,200 tetapi sekarang boleh sampai \$14,400. Jadi, ini bermakna. Saya boleh beri juga contoh-contoh tetapi untuk tidak membuang masa saya pendekkan sahaja.

Ahli dari Kuala Lumpur Bandar timbulkan Seksyen 4 seseorang kena tunggu 4 hari. Ini memang benar. Ini satu konsep "waiting

period” yang diterima oleh seluruh dunia supaya kita mengurangkan orang yang mengatakan, “saya sudah dapat kemalangan, saya sudah kekurangan”. Tujuannya hendak bercuti sahaja. Tetapi ini bukan bermakna tidak dibayar, kalau disahkan akan dibayar. Tetapi ini satu konsep yang diterima oleh semua pihak.

Satu perkara lagi ditimbulkan oleh banyak Ahli Yang Berhormat iaitu selalunya insurance company mencari lubang melambatkan bayaran pampasan. Boleh jadi ada kes di sana sini, tetapi yang patut membayar ialah majikan pekerja tersebut. Majikan dapat wang pampasan itu daripada syarikat insuran. Jadi, bagi pihak Kementerian Buruh, kami menekan majikan yang berkenaan.

Soal pekerja kontrek telah ditimbulkan juga. Sebenarnya principal employer is responsible. Ini bermakna majikan adalah pihak yang bertanggungjawab, walaupun pekerja kontrek atau tidak. Berkenaan dengan soal kontrek saya akan membawa satu Rang Undang-undang di Persidangan ini juga bagi meminda Ordinan Pekerjaan. Ini akan memperbaiki keadaan yang ada.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu tidaklah benar. Kalau ada kes yang berlaku seumpama yang diceritakan oleh Yang Berhormat itu, bawalah ke Kementerian atau kepada saya sendiri, saya akan siasat. Saya fikir adalah tidak adil membuat tuduhan (accusation) secara am sahaja kepada kakitangan Kementerian yang tidak ada peluang untuk menjawab dalam Dewan ini. Itu adalah tidak adil.

Ada juga satu soal lagi timbul iaitu di beberapa tempat pekerjaan ada “under insured”, umpamanya, seorang majikan yang

mengupah 12 atau 15 orang pekerja cuma “insured” 10 atau 12 orang—“under insured”. Ada, memang ada berlaku di sana sini. Tetapi yang bertanggungjawab ialah majikan yang mengupah pekerja itu. Soal tidak bayar wang pampasan tidak dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, secara am saya telah menjawab dan saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang banyak dan constructive yang mana saya akan timbangkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 9hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.03 petang.